


## **BAB III**

### **PERUSAHAAN PERIKANAN SEMASA ZAMAN PENTADBIRAN RESIDEN BRITISH I (1906-1941)**

#### **3.1 Latar Belakang Fizikal Brunei Semasa Zaman Pentadbiran Residen British I**

Kekuasaan Brunei sebagai sebuah kerajaan maritim berpengaruh di Alam Melayu yang mempunyai empayar yang luas telah mengalami kelumpuhan politik dan ekonomi pada awal abad ke-20 seperti yang dijelaskan pada Bab sebelum ini. Pada zaman Pentadbiran Residen British I, keluasan fizikal Brunei hanya meliputi kawasan seluas 5,765 kilometer persegi (2,226 batu persegi), iaitu 0.77 peratus daripada keluasan Pulau Borneo yang mempunyai keluasan 746,295 kilometer persegi (286,162 batu persegi). Pulau Borneo merupakan pulau ketiga terbesar di dunia selepas Pulau Greenland dan Pulau New Guinea (Mohammad Raduan, 2006: 71). Terdapat empat wilayah di Pulau Borneo, iaitu Brunei di pantai barat laut, Sarawak di pantai barat daya, Borneo Utara di pantai timur laut dan Kalimantan di pantai selatan. Pada waktu itu, Brunei di bawah kuasa naungan Kerajaan British, Sarawak di bawah jajahan Regim Brooke, Borneo Utara di bawah pentadbiran BNBCC dan Kalimantan di bawah jajahan Belanda (lihat Peta 3.1).

Brunei bersempadan Laut China Selatan di bahagian utara, manakala bahagian-bahagian lain disempadani oleh tanah jajahan Sarawak, khasnya bersempadan dengan daerah Limbang dan Miri. Lebih tepat lagi jika dikatakan bahawa lembah Sungai Limbang di tanah jajahan Sarawak termasuk ke dalam Brunei sehingga membahagikan Brunei menjadi dua kawasan, iaitu kawasan barat dan kawasan timur. Dari segi keluasan, kawasan barat tiga kali lebih besar daripada kawasan timur. Kawasan barat mengandungi lima daerah, iaitu daerah Belait, Brunei, Limau Manis, Muara dan Tutong.



**Peta 3.1:** Kedudukan Brunei dalam Pulau Borneo pada Tahun 1922

Sumber: <http://www.probertencyclopaedia.com/photolib/maps/Map of Borneo1922.jpg>.

Manakala di kawasan timur hanya mempunyai satu daerah, iaitu daerah Temburong (*Brunei Annual Report*, 1906: 5-6). Pada masa ini, Brunei hanya dibahagikan kepada empat daerah setelah pentadbiran daerah Limau Manis pada tahun 1908 (*Brunei Annual Report*, 1908: 4) dan daerah Muara pada tahun 1938 disatukan dengan daerah Brunei. Mulai tahun 1938 daerah Brunei telah menjadi daerah Brunei dan Muara (*Brunei Annual Report*, 1938: 4).


Permukaan tanah Brunei terbina daripada batuan dasar zaman peringkat ketiga yang terdiri daripada batu pasir, batu serpih dan tanah liat. Kawasan tanah lapang di bahagian sebelah barat, kebanyakannya tanah rendah berbukit-bukit di bawah 91 meter, tetapi semakin naik tinggi di daerah pedalaman hingga kira-kira 300 meter. Bahagian timur pula kebanyakannya terdiri daripada kawasan-kawasan lapang pergunungan tidak rata yang mencapai ketinggian sehingga 1,850 meter dari paras laut di gunung Pagon (*BDSYB* 2002: xviii).

Brunei mempunyai tiga buah muara yang besar meliputi sekitar 400 kilometer persegi yang masing-masing terletak di daerah Brunei dan Muara, daerah Tutong dan daerah Belait. Di samping itu, terdapat empat batang sungai di keempat-empat daerah iaitu Sungai Belait, Sungai Tutong, Sungai Brunei dan Sungai Temburong. Sungai Belait merupakan sungai yang terpanjang di negara ini iaitu sepanjang 143 kilometer. Hulu sungai ini bermula dari kawasan yang berdekatan dengan Bukit Ulu Tutong dan mengalir ke Laut China Selatan kira-kira 13 kilometer dari sempadan barat Brunei dengan Sarawak. Sungai Tutong pula mempunyai kepanjangan kira-kira 121 kilometer yang bermula dari hulu sungai yang terletak di kaki Bukit Ulu Tutong dan mengalir ke Laut China Selatan. Manakala Sungai Brunei dan Sungai Gunung Temburong mengalir ke Teluk Brunei. Sungai Brunei mempunyai kepanjangan lebih kurang 35 kilometer. Hulu

sungai ini terletak di Bukit Ladan dan mengalir arah ke timur selari dengan sempadan antara Brunei dengan Sarawak hingga ke Teluk Brunei. Sungai Temburong pula mempunyai kepanjangan sejauh 111 kilometer yang bermula dari lereng Pagon di selatan Brunei timur yang mengalir ke Teluk Brunei (Ali, 1988: 13-19). Selain itu, Sungai Limbang dan Sungai Trusan juga mengalir masuk ke muara sungai Brunei (lihat Rajah 3.1).

Salah satu kawasan terpenting di kawasan pesisiran pantai Brunei ialah Teluk Brunei yang terletak di bahagian pantai barat laut Pulau Borneo, bersetentangan dengan Pulau Labuan. Teluk ini merupakan kawasan perikanan terpenting kerana ia merupakan teluk terbesar di Pulau Borneo yang mempunyai keluasan lebih kurang 48 kilometer dari barat ke timur dan 23 kilometer dari utara ke selatan. Selain itu, teluk ini juga diliputi oleh beberapa buah pulau yang bersesuaian untuk menjalankan aktiviti perikanan seperti Pulau Muara Besar, Pulau Simangga Besar, Pulau Bedukang, Pulau Kaingaran, Pulau Chermin, Pulau Pepatan, Pulau Baru-Baru, Pulau Berbunut, Pulau Kitang dan Pulau Siarau (Ali, 1988: 19).

Penumpuan aktiviti perikanan di kawasan teluk ini juga berhubung rapat dengan proses fizikal perairannya yang sebahagian besar dipengaruhi oleh dua angin monsun. Monsun Timur Laut yang bertiup dari utara ke timur laut yang bermula pada bulan Disember hingga bulan April dan Monsun Barat Daya yang bertiup dari selatan ke barat daya pada bulan Mei hingga bulan November. Secara umum, kelajuan angin hanya pada tahap rendah iaitu lebih kurang 0.2 m/saat dan jarang sekali ia meningkat melebihi antara 12 hingga 16 m/saat (43.2 hingga 57.6 km/sejam). Lazimnya had laju angin di sekitar empat hingga lapan m/saat (14.4 hingga 28.8 km/sejam) sahaja yang sering bertiup



**Rajah 3.1:** Kedudukan Sungai-Sungai Utama di Brunei

Sumber: Silvestre dan Matdanan, 1992: 3.

dari arah selatan. Akan tetapi ketika berlaku angin kencang yang bercampur dengan kilat, kelajuan angin boleh mencapai sehingga 25 hingga 30 m/saat (90 hingga 108 km/sejam), tetapi dalam tempoh masa yang pendek sahaja tidak melebihi dua jam. Sementara itu, terdapat dua jenis angin tempatan yang sering berlaku di Brunei iaitu angin laut yang bertiup di sebelah tengah hari hingga awal malam dan angin darat yang bertiup waktu lewat malam dan awal pagi (Ali, 1988: 20). Manakala ribut tropika dan angin puting beliung yang melintasi Laut China Selatan tidak mempengaruhi secara langsung pesisiran pantai tetapi ombak besar akan berlaku (De Silva, Writh, Matdanan, Pg Sharifuddin dan Agbayani, 1992: 6). Ketinggian ombak di sepanjang pantai perairan ini biasanya hanya lebih kurang satu meter sahaja. Bagaimanapun, ketinggian ombak boleh meningkat sehingga tiga meter semasa Monsun Timur Laut yang dihasilkan oleh ombak besar Laut China Selatan yang bercampur dengan ombak dari angin-angin tempatan (De Silva *et al*, 1992: 8).

Pelbagai jenis sumber perikanan terdapat di teluk ini, udang (*penaeus sp.*) merupakan salah satu sumber perikanan yang paling banyak didararkan ketika itu. Udang yang didararkan akan dikeringkan untuk permintaan yang tinggi di pasaran Singapura. Selain daripada udang, sumber perikanan lain seperti *bakalang* (*chorinemus spp.*), *balanak* (*mugil spp.*), *jarang gigi* (*otholithes spp & johnius spp.*), *kurau* (*eleutheronema tetradactylum*), *Rumahan bini* (*rastrelliger brachysoma*) dan *Tamban* (*sardinella sp.*) juga banyak didararkan oleh penduduk tempatan. Sumber-sumber perikanan ini didararkan untuk dikering atau dimasinkan bagi memenuhi permintaan tempatan yang semakin meningkat terutamanya daripada tenaga buruh asing yang terlibat di sektor daratan.

### **3.2 Sistem Pentadbiran Residen British I**

Kedudukan Brunei sebagai sebuah negara merdeka telah berakhir apabila kerajaan British secara rasminya telah memperkenalkan sistem Pentadbiran Residen di Brunei melalui satu perjanjian yang ditandatangani pada tahun 1905/1906. Antara isi kandungan perjanjian tersebut:

*“... His Highness (Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin) has represented to His Majesty’s Government that the Treaty made on the 17 September 1888 does not give him sufficient protection, and the Sultan and His Majesty’s Government have accordingly entered into the following supplementary Agreement.*

*His Highness will receive British Officer to be styled Resident, and will provide a suitable Residence for him. The Resident will be Agent and Representative of High Commissioner of the British Protectorate in Borneo, and His advice must be taken and acted upon all questions in Brunei other than those affecting in Mohammedan religion”*(Sabihah et al, 1995: 59).

Dengan termeterainya perjanjian ini, Brunei telah menjadi negara naungan British yang diperintah oleh seorang Sultan yang mendapat nasihat daripada Residen British dan Majlis Mesyuarat Negeri. Kewujudan sistem pentadbiran ini secara tidak langsung telah menghilangkan kuasa mutlak Sultan selaku ketua pentadbiran dan ketua negara. Perkara ini jelas seperti yang dinyatakan oleh Blundell (1929) “*... Brunei was an independent state no more, ... The Tuan Resident himself is the only Tuan Besar (Besar) in Brunei now*” (Blundell, 1923: 219). Manakala Horton menyatakan “*... Brunei during the period 1906-1934 which has been ‘destroyed under statute’*” (Horton, 2005: 1).

Sistem Pentadbiran Residen yang dilaksanakan di Brunei lebih kurang sama dengan sistem pentadbiran yang dilaksanakan di Negeri-Negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Akan tetapi kuasa yang dipegang oleh Residen British di Brunei lebih luas. Residen British di Negeri-Negeri Melayu tidak termasuk hal ehwal agama Islam dan juga hal yang bersabit dengan adat resam tempatan, sedangkan kuasa Residen British

di Brunei hanya dikecualikan dalam hal ehwal agama Islam (Jatswan, 1995: 13). Dengan ini menunjukkan bahawa tindakan awal yang dilakukan oleh pihak British ialah menyingkirkan kuasa-kuasa feudal melalui campur tangan terhadap adat istiadat tempatan yang menjadi teras kepada kekuahan sistem politik tradisional Brunei sebelum ini.

Selain itu, kewujudan sistem Pentadbiran Residen di Negeri-Negeri Melayu adalah atas kehendak dan kepentingan kerajaan British untuk menguasai kegiatan-kegiatan ekonomi yang telah diusahakan di sana. Akan tetapi kewujudan sistem Pentadbiran Residen di Brunei adalah atas kehendak kedua-dua belah pihak, Brunei dan British. Brunei bersetuju menerima kehadiran Residen British bagi menyelamatkan Brunei daripada dasar dan pengaruh Regim Brooke dan BNBCC yang telah berjaya mengambil dan memajak tanah-tanah jajahan Brunei seperti yang dijelaskan pada bab sebelum ini. Manakala pada pihak British pula, terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan sistem Pentadbiran Residen diperkenalkan di Brunei. Pertama, untuk menjaga kepentingan perdagangan British dengan Cina dan India kerana Brunei terletak di antara laluan perdagangan British dengan kedua-dua benua tersebut. Kedua, kejayaan cemerlang pelaksanaan sistem pentadbiran Residen di Negeri-Negeri Melayu. Ketiga, kewujudan minyak di pesisiran timur laut yang dikesan pada tahun 1903 (Brown, 1970: 158; Mohd Shahrol Amira, 1992/1993: 22-23).

Di bawah sistem Pentadbiran Residen British I, Steward McArthur telah dilantik menjadi Residen British pertama di Brunei. Selain daripada memberi nasihat kepada Sultan, beliau juga berperanan menjadi pentadbir tertinggi dan wakil Kerajaan British untuk menjalankan segala arahan dan tugas daripada Pesuruhjaya Tinggi British di Borneo atau Pesuruhjaya Tinggi British di Asia Tenggara atau arahan secara terus daripada Pejabat Tanah Jajahan di London (Sabihah *et al*, 1995: 61). Bagi memudahkan

tugas Residen beberapa pegawai British telah dilantik untuk menjadi pengawas kewangan, hal-ehwal masyarakat tempatan, pungutan cukai dan pendapatan negara, keselamatan, undang-undang dan lain-lain. Keadaan ini telah menyebabkan para pembesar kehilangan kuasa yang mereka miliki sebelum ini. Mereka hanya bertanggungjawab terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam sahaja.

Pelaksanaan sistem Pentadbiran Residen British di Brunei berdiri atas dua dasar utama. Pertama, memperkenalkan satu sistem pentadbiran sekular yang tidak mengetepikan *status quo* masyarakat tradisi Melayu Islam dan bersesuaian dengan kepentingan sosioekonomi British. Kedua, penerapan sistem pentadbiran sekular semata-mata untuk memudahkan segala kegiatan ekonomi peribumi dengan mengeksplorasi kekayaan alam yang sah dan dilindungi oleh undang-undang serta untuk memperoleh kekayaan dan keuntungan yang maksimum (Zaini, 2003: 17).

Dengan kewujudan sistem Pentadbiran Residen British, beberapa perubahan besar, menyeluruh dan mendadak telah berlaku sama ada dari segi sistem pentadbiran, ekonomi dan sosial Brunei. Sistem pentadbiran tradisi yang diketuai oleh Sultan yang dibantu oleh para pembesar telah dilenyapkan dan diganti dengan sistem pentadbiran moden ala barat melalui penubuhan beberapa buah jabatan kerajaan seperti Jabatan Kastam, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Tanah dan lain-lain (Sabihah *et al*, 1995: 60). Selain itu, sistem pentadbiran baharu ini juga membentuk sistem mahkamah untuk menggubal dan meluluskan undang-undang, menubuhkan pasukan keselamatan (polis) secara terus-menerus, memperkenalkan pendidikan sekular melalui penubuhan sekolah Melayu yang pertama di bandar Brunei pada tahun 1914, membangunkan beberapa kemudahan infrastruktur di daratan seperti jalan raya, bangunan hospital, kedai-kedai, balai polis,

bekalan elektrik dan bekalan air bersih. Ini menunjukkan bahawa dasar sistem pentadbiran moden yang diperkenalkan oleh pihak British mengarah kepada kepentingan perkembangan ekonomi kapitalis barat.

Pada peringkat awal pelaksanaan sistem pentadbiran baharu ini telah menghadapi kesulitan disebabkan ekonomi Brunei ketika itu dalam keadaan muflis seperti yang dijelaskan pada bab sebelum ini. Perkara ini jelas apabila pada tahun 1906, kewangan Brunei yang terdapat dalam perpendaharaan hanya berjumlah \$228,173.78 sahaja, \$200,000.00 daripada jumlah tersebut adalah hasil pinjaman daripada Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (*Brunei Annual Report*, 1907: 1). Di samping itu, Brunei juga tidak memiliki sesuatu kemudahan awam yang boleh dijadikan aset dalam pembangunan negara (Mohd Shahrol Amira, 1992/1993: 59). Untuk mengatasi masalah ini, pihak British telah menggabungkan pentadbiran Brunei dengan Labuan. Penggabungan pentadbiran ini berakhir pada tahun 1915 setelah hasil pendapatan Brunei meningkat dan lebih kukuh (Mohd Shahrol Amira, 1992/1993: 72-73).

Dalam meningkatkan hasil pendapatan Brunei, Residen British telah memperkenalkan sistem ekonomi baru yang lebih terdedah kepada dunia luar dan bersistematik, iaitu ekonomi bercorak kapitalis yang bersumberkan tanah daratan bagi mengantikan sistem ekonomi tradisi yang bersumberkan hutan dan laut. Ke arah menjayakan sistem ekonomi ini, Residen British telah menghapuskan sistem penguasaan dan pemilikan tanah yang sebelum ini dibahagi-bahagikan melalui *sungai kerajaan*, *kuripan* dan *tulin*. Penghapusan ini dilakukan dengan cara memiliknegarakan semua tanah dalam negara di bawah kawalan dan kuasa pentadbiran kerajaan sepenuhnya (Mohd Shahrol Amira, 1992/1993: 64). Melalui dasar memiliknegarakan ini, semua hak milik Sultan dan pembesar, pentadbiran, pungutan cukai dan kawalan terhadap perdagangan

telah berpindah kepada pentadbiran kerajaan yang sekali gus dapat disalurkan ke dalam perbendaharaan negara.

Dengan kejayaan ini, Residen British telah memindahkan pusat pentadbiran yang sebelum ini berada di kawasan air ke kawasan daratan dengan mendirikan bangunan Residensi di darat sebagai pusat pentadbiran (*Brunei Annual Report*, 1906: 13-14; Jatswan, 1995: 58). Pada masa yang sama, Residen British juga menggalakkan penduduk Kampong Ayer berpindah ke darat bagi membentuk sebuah pusat bandar baru di daratan. Perkara ini jelas melalui dua kenyataan Residen British yang tegas dan amat simbolik “*The country will not, and cannot, ever really advance until the capital is on dry land*”; “*I wanted a clean dry village, with ‘suburbs’ of kampong houses. I also wanted to discourage houses in the river*” (*Brunei Annual Report*, 1910: 15; Jatswan, 1995: 58). Walau bagaimanapun, usaha ini kurang mendapat sambutan daripada para penduduk Kampong Ayer sehingga pada tahun 1922 apabila Sultan memindahkan istana baginda ke darat (*Brunei Annual Report*, 1922: 15). Dengan perpindahan ini secara tidak langsung telah mengubah cara hidup sebahagian besar penduduk Brunei ketika itu yang bergantung pada sumber laut dan hutan kepada cara hidup yang bersumber tanah daratan.

Kewujudan pusat pentadbiran dan pusat bandar di kawasan daratan telah memudahkan Residen British mengukuhkan sistem ekonomi kapitalis yang diperkenalkan. Dasar ekonomi yang dilaksanakan lebih tertumpu kepada aktiviti pengeksplotasian sumber daratan yang mempunyai dan dapat memenuhi nilai pasaran antarabangsa. Perkara ini jelas apabila pihak pentadbiran telah menggalakkan dan membuka berbagai-bagai peluang ekonomi di daratan seperti perhutanan, pertanian, dan perlombongan. Keadaan ini telah memberi peluang yang luas kepada pemodal-pemodal asing, khususnya warganegara British untuk menjalankan kegiatan ekonomi di Brunei.

Ini menunjukkan bahawa pihak pentadbiran hanya memainkan peranan sebagai perangsang dan penggalak dalam pembangunan ekonomi. Manakala para pemodal berperanan dalam aktiviti pengeluaran sumber daya yang menggunakan dan mengawal teknologi dan tenaga buruh. Kehadiran para pemodal bagi menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi telah membuka banyak peluang pekerjaan bagi penduduk tempatan dan buruh asing. Ini menunjukkan bahawa kepentingan penguasaan terhadap penduduk dalam mendapatkan sumber ekonomi pada zaman Pentadbiran Tradisi telah berubah kepada penggunaan tenaga buruh.

Dengan perpindahan penduduk dan perubahan pusat pentadbiran dan sumber ekonomi ke kawasan daratan telah mengakibatkan kegiatan ekonomi yang bersumberkan laut dan hutan yang menjadi tulang belakang sebelum ini telah menjadi kegiatan ekonomi sampingan sahaja. Keadaan ini secara tidak langsung telah mengakibatkan perusahaan perikanan hanya berkembang sendiri tanpa diberi galakan dan bantuan oleh pihak Pentadbiran Residen British I. Oleh itu, perusahaan perikanan tidak banyak mengalami sebarang perubahan atau perkembangan pada zaman Pentadbiran Residen British I. Apa yang jelas, perkembangan yang berlaku terhadap perusahaan perikanan ketika itu lebih tertumpu kepada usaha untuk meningkatkan hasil pendaratan bagi memenuhi permintaan sumber perikanan yang semakin meningkat. Walau bagaimanapun, permintaan ini lebih mengarah kepada sumber perikanan yang telah diproses seperti ikan masin, ikan kering dan udang kering bagi memenuhi keperluan makanan dan protein tenaga buruh yang terlibat dalam perusahaan-perusahaan lain. Perbincangan lanjut mengenai perusahaan perikanan pada zaman Pentadbiran Residen British I akan dijelaskan pada bahagian lain dalam bab ini.

### **3.3 Perkembangan Ekonomi Brunei Semasa Zaman Pentadbiran Residen British I**

Semasa zaman Pentadbiran Tradisi asas ekonomi Brunei bergantung pada sumber perhutanan, perlombongan, pertanian dan pembuatan yang diperoleh daripada wilayah-wilayah tanah jajahan. Keempat-empat sumber alam ini dikeluarkan, dimonopoli dan diperdagangkan oleh para pembesar dan golongan Pengiran yang menguasai tanah jajahan dan perdagangan luar ketika itu. Namun demikian, semasa Brunei menghadapi era kejatuhan ekonomi yang teruk pada penghujung abad ke-19, asas ekonomi Brunei hanya bergantung pada aktiviti menangkap ikan dan mengambil kulit-kulit kayu bakau dalam perusahaan *cutch*. Ini menunjukkan ekonomi Brunei hanya bergantung pada dua sumber sahaja iaitu sumber laut dan hutan.

Apabila sistem Pentadbiran Residen British diperkenalkan di Brunei, Residen British telah melaksanakan dasar ekonomi yang bergantung pada perdagangan luar. Bagi memenuhi permintaan perdagangan luar tersebut, Residen British telah menjadikan tanah daratan sebagai pentas pengeksplotasian ekonomi. Ini menunjukkan bahawa asas ekonomi Brunei telah mengalami perubahan daripada ekonomi yang hanya bersumberkan laut dan hutan kepada ekonomi yang bersumberkan tanah daratan. Walaupun, usaha pengeluaran sumber ekonomi berdasarkan laut masih lagi diteruskan semasa Pentadbiran Residen British I, namun demikian ia tidak diberi perhatian atau penekanan sepenuhnya. Ia hanya dibiarkan berkembang sendiri yang diusahakan oleh penduduk tempatan untuk menyara kehidupan harian dan memenuhi keperluan makanan dan protein buruh asing sahaja.

Aktiviti atau perusahaan ekonomi di tanah daratan yang diberi perhatian dan galakan oleh pihak Residen British ialah sektor pertanian, perhutanan dan perlombongan. Walau bagaimanapun, Pentadbiran Residen British I hanya bertindak sebagai pengurus

korporat sahaja. Ini jelas apabila pihak Pentadbiran Residen British I tidak terlibat secara langsung dalam pembangunan perusahaan-perusahaan ini, tetapi membuka peluang kepada pemodal-pemodal asing terutama warganegara British untuk mencebur dan mengusahakan aktiviti-aktiviti ekonomi tersebut. Pembangunan ekonomi yang dilakukan oleh para pemodal asing melalui syarikat masing-masing adalah bermatlamat untuk mencapai keuntungan yang maksimum. Untuk mencapai matlamat tersebut, syarikat-syarikat ini telah mengurus dan menguasai modal, teknologi dan buruh dalam pengekspolitasi sumber daya di tanah daratan. Dengan ini, bermulalah era baru ekonomi Brunei yang memperlihatkan ciri pengkhususan yang lebih jelas dari segi ruang, modal, buruh, teknologi dan juga pasaran. Ini menunjukkan perbezaan yang jelas sekali dengan ekonomi sebelumnya yang berlandaskan sumber laut dan hutan. Untuk melihat lebih jelas lagi, perbincangan berikut akan menjelaskan lebih terperinci komoditi-komoditi ekonomi yang diusahakan pada masa itu.

### **3.3.1        Sumber Pertanian**

Salah satu sebab galakan Residen British agar penduduk berpindah dari kawasan air ke kawasan daratan adalah untuk membangun dan memajukan sektor pertanian. Pembangunan sektor pertanian sangat diberi perhatian dan galakan oleh Pentadbiran Residen British. Antara komoditi yang diberi perhatian oleh pihak pentadbiran ialah sagu,<sup>1</sup> getah, padi, kelapa, tebu, tembakau, teh, kopi, manila hem dan kapas. Daripada komoditi-komoditi pertanian tersebut, hanya komoditi getah dan sagu sahaja yang lebih menyerlah dan berjaya dieksport berbanding komoditi-komoditi lain.


Langkah awal yang dilaksanakan oleh pihak Pentadbiran Residen British I dalam usaha mengembangkan ekonomi daratan ialah menghidupkan semula perusahaan

---

<sup>1</sup> Semasa zaman Pentadbiran Residen I, sagu merupakan salah satu komoditi daripada sumber pertanian.

sagu yang pernah menjadi hasil eksport utama Brunei semasa zaman Pentadbiran Tradisi. Usaha ini mendatangkan kejayaan apabila sagu berjaya dieksport ke Singapura pada tahun 1908 dengan nilai sebanyak \$11,918. Berikutan kejayaan tersebut pada tahun 1910 pihak pentadbiran telah menerima satu permohonan untuk mendirikan kilang memproses sagu mentah menjadi tepung. Walau bagaimanapun, menjelang tahun 1924 barulah kilang ini dapat beroperasi di daerah Temburong, Tutong dan Belait. Namun demikian, sebaik-baik sahaja kilang-kilang ini memulakan operasinya, harga sagu di pasaran Singapura telah mengalami kejatuhan yang teruk (Jatswan, 1995: 24). Keadaan ini telah menyebabkan kuantiti eksport sagu ke Singapura semakin berkurangan yang sekali gus menyebabkan nilai eksport sagu mengalami kemerosotan dan turun naik dari setahun ke setahun. Nilai eksport hanya dapat dipulihkan semula pada tahun 1940 apabila sagu berjaya dieksport dengan nilai sebanyak \$102,592 iaitu nilai eksport tertinggi pada tempoh ini. Namun demikian, pada tahun berikutnya iaitu pada akhir tempoh ini, nilai eksport sagu jatuh kembali dengan teruk kepada \$26,175 sahaja (lihat Rajah 3.2).

Salah satu komoditi daripada sumber pertanian yang sangat diberi perhatian oleh pihak Pentadbiran Residen British I ialah perusahaan getah. Perusahaan getah di Brunei dimulakan pada tahun 1908 apabila pokok getah mula ditanam oleh Haji Muhammad Daud dan Abrahamson (pelabur asing) di ladang getah Labu. Pada masa yang sama, pihak pentadbiran juga telah membuat percubaan menanam lebih kurang 100 benih getah. Selepas itu, ramai pemodal barat telah datang ke Brunei untuk membuka ladang-ladang getah (*Brunei Annual Report*, 1908: 6; Jatswan, 1995: 25). Untuk menggalakkan penanaman getah, pada tahun 1910 pihak pentadbiran telah membekalkan sebanyak 190,000 biji benih getah (*Brunei Annual Report*, 1910: 11). Pembekalan ini telah mendatangkan hasil yang memberangsangkan apabila pada tahun 1911 terdapat lima buah ladang getah telah berjaya diusahakan oleh pemodal-pemodal barat iaitu di



**Rajah 3.2:** Nilai Eksport Sagu 1908 – 1941


Nota: Tiada data diperoleh pada tahun 1911 & 1914.

Sumber: *Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran.

Labu, Biang, Batu Apoi, Gadong dan Kumbang Pasang, Berakas (Horton, 1985: 205). Begitu juga dengan keluasan ladang yang diusahakan juga menunjukkan peningkatan yang ketara daripada 2,200 ekar pada tahun 1914 kepada 15,550 ekar pada tahun 1941. Dari jumlah tahun 1941 tersebut, 6,600 ekar adalah ladang yang dimiliki oleh 12 buah syarikat besar Eropah, 1,450 ekar dimiliki oleh beberapa orang pekebun sederhana kaum Cina dan selebihnya 7,500 ekar adalah milik pekebun-pekebun kecil bangsa Melayu dan Kedayan (*Brunei Annual Report*, 1941: 27; Jiram, 1997: 297-298).

Komoditi getah mula dieksport buat pertama kalinya pada tahun 1914 seberat 7,054 paun yang bernilai \$1,160 hasil daripada ladang getah Labu Estate dan beberapa buah kebun kecil kepunyaan anak tempatan (*Brunei Annual Report*, 1914: 5). Pada akhir tempoh ini (tahun 1941) merupakan kemuncak kejayaan eksport komoditi getah dengan nilai sebanyak \$1,758,824 (lihat Rajah 3.3). Manakala pada tahun 1925 merupakan sumbangan terbesar komoditi getah terhadap nilai keseluruhan eksport perdagangan Brunei iaitu lebih kurang 71 peratus daripada nilai eksport keseluruhan (Jiram, 1997: 154). Sementara itu, daripada tahun 1923 hingga 1930, komoditi getah merupakan komoditi eksport utama atau pertama terpenting bagi nilai perdagangan Brunei (Horton, 1985: 219).

Salah satu komoditi daripada sektor pertanian yang juga diberi perhatian oleh pihak Pentadbiran Residen British I ialah penanaman padi untuk mengimbangi jumlah import beras Brunei. Untuk mencapai matlamat tersebut, pihak pentadbiran telah membawa benih padi sawah dari Krian, Perak pada tahun 1909 (*Brunei Annual Report*, 1909: 7). Dengan penanaman padi sawah diharap dapat meningkatkan hasil pengeluaran padi kerana sebelum ini penduduk Brunei khasnya puak Kedayan hanya menanam padi



**Rajah 3.3:** Nilai Eksport Getah 1914 – 1941

Sumber: *Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran.

jenis tugal (padi huma) yang pengeluarannya sedikit serta boleh merosakkan hutan yang mempunyai potensi pembalakan (Jatswan, 1995: 27).

Walau bagaimanapun, sehingga tahun 1919 usaha penanaman padi sawah tidak mencapai kejayaan yang memuaskan sama ada akibat kemarau atau hujan lebat (Jatswan, 1995: 27). Untuk mengatasi kegagalan ini, pihak pentadbiran telah membeli dalam jumlah yang agak banyak benih padi sawah dari Siam untuk kegunaan penanaman pada tahun 1919 dan 1920 (*Brunei Annual Report*, 1919: 1). Usaha ini juga kurang berjaya apabila padi sawah hanya dapat dihasilkan sebanyak satu pertiga daripada jumlah keseluruhan 600,000 gantang padi yang dihasilkan pada tahun 1925 (*Brunei Annual Report*, 1925: 7).

Untuk mengatasi masalah ini, pihak pentadbiran telah melaksanakan beberapa langkah bagi menggalakkan penanaman padi sawah seperti mengecualikan cukai terhadap tanah yang digunakan untuk menanam padi sawah, membina sistem pengairan dan tapak percubaan padi (*Padi Test Plot*) (Jatswan, 1995: 28; *Brunei Annual Report*, 1934: 11). Walaupun langkah ini telah berjaya meningkatkan keluasan tanaman padi sawah daripada 1,200 ekar pada tahun 1929 kepada 5,472 ekar pada tahun 1941, namun jumlah padi sawah yang dihasilkan masih belum dapat mengimbangi jumlah padi tugal yang dihasilkan (*Brunei Annual Report*, 1929: 6; 1941:29). Pada sepanjang tempoh ini, hasil tertinggi padi dicatatkan pada tahun 1940 iaitu sebanyak 2,175,954 gantang, namun daripada jumlah tersebut hasil padi sawah hanya berjumlah 572,022 gantang berbanding hasil padi tugal berjumlah 1,603,932 gantang (*Brunei Annual Report*, 1941:29). Ini menunjukkan bahawa matlamat pihak pentadbiran untuk mengimbangi jumlah beras import Brunei tidak berjaya. Perkara ini jelas apabila import beras telah meningkat daripada 14,891 pikul yang bernilai \$159,357 pada tahun 1921 kepada 52,839

pikul yang bernilai \$416,146 pada tahun 1941 (*Brunei Annual Report*, 1921: 2; 1941:74) lihat Rajah 3.4).


Seperti yang dijelaskan sebelum ini, tanaman-tanaman lain seperti kelapa, tebu, tembakau, teh, kopi, manila hem dan kapas juga diusahakan semasa zaman Pentadbiran Residen British I. Walau bagaimanapun, komoditi kelapa lebih diberi tumpuan oleh pihak pentadbiran, berbanding tanaman-tanaman lain yang hanya diserahkan kepada pelabur luar atau penduduk tempatan sahaja. Perkara ini jelas apabila pihak pentadbiran telah membekalkan sebanyak 7,000 tunas kelapa untuk diusahakan pada tahun 1910 (*Brunei Annual Report*, 1910: 11). Akibat serangan daripada serangga, usaha penanaman kelapa telah mengalami kegagalan (*Brunei Annual Report*, 1921: 3). Sepanjang tempoh ini, kopra atau kelapa kering yang dikeluarkan minyaknya sahaja dapat dieksport dalam jumlah yang agak kecil pada tahun 1922 (*Brunei Annual Report*, 1922: 6). Begitu juga dengan hasil pengeluaran tanaman-tanaman lain, boleh dianggap relatif kecil yang hanya dapat memenuhi keperluan tempatan sahaja kerana tiada sebarang laporan perkembangan dan hasil pengeluaran daripada tanaman-tanaman tersebut yang dicatatkan.

### **3.3.2 Sumber Perhutanan**

Kegiatan ekonomi daripada sumber perhutanan juga diberi perhatian semasa Pentadbiran Residen British I. *Cutch*,<sup>2</sup> getah jelutung dan kayu balak merupakan antara komoditi yang diberi tumpuan oleh pihak pentadbiran pada masa itu. Perusahaan *cutch* merupakan antara kegiatan ekonomi terawal di Brunei. Perusahaan ini telah mula dijalankan sebelum sistem Pentadbiran Residen British diperkenalkan lagi, iaitu pada tahun 1901 oleh sebuah syarikat luar negara Island Trading Syndicate. Pada tahun 1906 iaitu semasa sistem

---

<sup>2</sup> *Cutch* digelar sebagai ‘ubar’ dalam bahasa Melayu Brunei.




**Rajah 3.4:** Kuantiti dan Nilai Import Beras 1921 - 1941

Sumber: *Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran.

Pentadbiran Residen British mula diperkenalkan, perusahaan ini telah menggaji lebih kurang 100 orang Melayu tempatan dan jumlah ini semakin meningkat kepada lebih 300 orang pada tahun 1921 (*Brunei Annual Report*, 1921: 3; Jatswan, 1995: 24). Ini menunjukkan bahawa perusahaan *cutch* telah menjadi salah satu sumber pendapatan penduduk Melayu Brunei pada masa itu.

*Cutch* mula dieksport pada tahun 1906 sebanyak lebih kurang 1,549 tan. Mulai tahun 1907 hingga 1920, penghasilan daripada perusahaan ini telah menjadi komoditi eksport terpenting Brunei dan kedua penting di sekitar tahun 1923 hingga 1930. Antara destinasi eksport perusahaan *cutch* ketika itu ialah Amerika Syarikat, Perancis, Argentina, United Kingdom, Jepun dan China (Horton, 1985: 218; *Brunei Annual Report*, 1915: 5). Eksport tertinggi komoditi *cutch* disumbangkan pada tahun 1918 dengan nilai sebanyak \$361,501. Walau bagaimanapun, bermula pada tahun 1921 hingga ke penghujung tempoh ini, nilai eksport perusahaan ini telah mengalami kadar pertumbuhan yang turun naik serta tidak pernah mencapai nilai \$300,000. Malahan pada penghujung tempoh ini, kuantiti dan nilai eksport perusahaan ini semakin merosot apabila hanya sebanyak lebih kurang 700 tan *cutch* yang bernilai \$62,995 sahaja berjaya dieksport pada tahun 1939 (lihat Rajah 3.5).

Perusahaan getah jelutung yang banyak diusahakan oleh puak Iban di bawah kendalian pemodal Cina di daerah Belait juga merupakan salah satu komoditi daripada sumber perhutanan yang berjaya dieksport semasa zaman Pentadbiran Residen British I (Horton, 1985: 220). Hasil pengeluaran perusahaan ini mula dieksport pada tahun 1908 dengan nilai sebanyak \$753. Walau bagaimanapun, nilai eksport perusahaan ini hanya mengalami kadar pertumbuhan yang positif sehingga tahun 1912 sahaja. Bermula tahun 1913 hingga ke penghujung tempoh ini, nilai eksport perusahaan ini telah mengalami



**Rajah 3.5:** Nilai Eksport Cutch 1907 – 1941

Nota: Tiada data diperoleh pada tahun 1911.


Sumber: *Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran.

kadar pertumbuhan yang turun naik. Keadaan ini disebabkan ramai penoreh getah jelutung telah beralih kepada kerja menoreh getah di ladang-ladang getah yang baru dibuka oleh para pemodal asing. Oleh itu, aktiviti menoreh getah jelutung telah menjadi aktiviti sampingan bagi penduduk pedalaman sahaja. Nilai eksport tertinggi yang disumbangkan pada tempoh ini ialah sebanyak \$295,978 yang dicatatkan pada tahun 1926 (lihat Rajah 3.6).

Salah satu komoditi daripada sumber perhutanan yang diberi perhatian oleh pihak pentadbiran ialah pembalakan. Pihak pentadbiran berpendapat bahawa Brunei adalah sebuah negeri yang mempunyai potensi dalam pembalakan kerana adanya kawasan hutan hujan tropika yang tebal dan luas. Pada tahun 1909 sebuah syarikat luar, iaitu North Borneo Trading Company telah diberi konsesi pembalakan di daerah Temburong (Jatswan, 1995: 29). Syarikat ini telah berjaya mengeksport hasil pembalakan ke Hong Kong pada tahun 1911. Namun demikian, pengeksportan ini tidak dapat diteruskan pada tahun berikutnya kerana kejatuhan harga kayu balak di pasaran China (*Brunei Annual Report*, 1911: 7). Keadaan ini telah menyebabkan North Borneo Trading Company menarik diri pada tahun 1912 berikutan kerugian yang terpaksa ditanggung (*Brunei Annual Report*, 1912: 4). Dengan penarikan diri syarikat ini, perusahaan pembalakan juga tidak berkembang pesat sehingga ke penghujung tempoh ini.

### **3.3.3 Sumber Perlombongan**

Komoditi-komoditi yang terhasil daripada sumber perlombongan semasa zaman Pentadbiran Residen British I mempunyai nilai perdagangan yang tinggi serta sangat diperlukan di Eropah. Oleh itu, pihak pentadbiran telah memberi perhatian yang lebih terhadap aktiviti-aktiviti perlombongan. Untuk merealisasikan perkara ini, pihak



**Rajah 3.6:** Nilai Eksport Getah Jelutung 1908 - 1941

Nota: Tiada data diperoleh pada tahun 1911 dan 1914.

Sumber: *Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran.

pentadbiran telah membawa masuk beberapa orang pemodal dan membuka peluang kepada beberapa buah syarikat dari Eropah untuk menjalankan aktiviti perlombongan di Brunei. Arang batu, minyak mentah dan gas asli antara komoditi yang telah berjaya diusahakan dan dieksport pada zaman Pentadbiran Residen British I.

Perusahaan arang batu merupakan aktiviti perlombongan terawal dijalankan di Brunei. Perusahaan ini telah dijalankan sebelum sistem Pentadbiran Residen British diperkenalkan lagi, iaitu pada tahun 1883 oleh William Clark Cowie setelah mendapat konsesi perlombongan arang batu di kawasan Brooketon (Muara Damit) dan Buang Tawar, Pulau Berambang. Disebabkan kekurangan modal dan teknologi moden dalam aktiviti perlombongan, perusahaan ini terpaksa diserahkan kepada Rajah Charles Brooke pada tahun 1887. Walau bagaimanapun, Rajah Charles Brooke kurang memberi perhatian terhadap perusahaan ini, kerana matlamat utama beliau lebih tertumpu kepada faktor politik untuk mengambil Brooketon sebagai salah sebuah tanah jajahan Sarawak. Oleh itu, hasil pengeluaran perusahaan ini hanya untuk keperluan domestik sahaja (Ooi, 1997: 130-133; Jiram, 1997: 62).

Setelah sistem Pentadbiran Residen British diperkenalkan barulah perusahaan ini mula diberi perhatian sepenuhnya kerana pada masa itu permintaan arang batu sangat tinggi di pasaran antarabangsa bagi kegunaan bahan bakar kapal-kapal wap. Perhatian pihak pentadbiran dalam memajukan perusahaan jelas melalui penggunaan kaedah dan teknologi baru dan moden dalam aktiviti perlombongan arang batu menggantikan penggunaan cangkul, penyodok dan tukul yang digunakan sebelumnya (Matassim, 1980: 108). Penggunaan kaedah dan teknologi moden telah dapat meningkatkan pengeluaran arang batu. Dengan peningkatan tersebut, pada tahun 1906 arang batu telah berjaya dieksport sebanyak 14,533 tan, tetapi nilai eksport tidak dicatatkan. Tahun berikutnya

barulah nilai eksport dicatatkan sebanyak \$51,230, namun kuantiti arang batu yang dieksport menurun sebanyak 53 peratus daripada tahun sebelumnya menjadi 7,740 tan sahaja. Nilai eksport tertinggi pada sepanjang tempoh ini dicatatkan pada tahun 1918, iaitu sebanyak \$419,910. Manakala kuantiti eksport tertinggi pula dicatatkan pada tahun 1911, iaitu sebanyak 25,378 tan (lihat Jadual 3.1). Walaupun nilai dan kuantiti eksport pada sepanjang tempoh ini sering mengalami kadar pertumbuhan yang turun naik dari setahun ke setahun, namun pada tahun 1908 hingga 1918, arang batu telah menjadi komoditi eksport kedua terpenting Brunei.

Apabila kapal-kapal wap telah mula menukarkan bahan bakar daripada arang batu kepada minyak, pihak pentadbiran juga telah mengalihkan tumpuan yang lebih serius kepada usaha cari gali minyak. Keadaan ini telah menyebabkan perusahaan arang batu mengalami kemerosotan sehingga membawa kepada penutupan lombong arang batu di Buang Tawar pada tahun 1924 dan diikuti tiga tahun selepas itu oleh lombong di Brooketon. Walaupun beberapa orang pengusaha tempatan bersama sebuah syarikat luar, iaitu British East Indies Coalfield cuba meneruskan perusahaan ini, namun kuantiti dan nilai eksport arang batu yang dihasilkan tidak memuaskan seperti sebelumnya. Malahan pada tiga tahun penghujung tempoh ini, pengeluaran arang batu hanya untuk memenuhi keperluan tempatan sahaja (lihat Jadual 3.1).

Pada bulan Mac 1903, sumber minyak telah dijumpai secara tidak sengaja di kawasan lombong arang batu kepunyaan Rajah Charles Brooke di Buang Tawar, Pulau Berambang (Horton, 1984: 26; Jatswan, 1995: 33). Oleh sebab matlamat utama Rajah Charles Brooke lebih kepada faktor politik seperti yang dijelaskan di atas dan mungkin tidak mahu menjelaskan jumlah pengeluaran arang batu yang ketika itu mempunyai nilai tinggi di pasaran antarabangsa, usaha-usaha untuk memajukan pengeluaran minyak tidak

**Jadual 3.1:** Kuantiti dan Nilai Eksport Arang Batu 1906 - 1938 (*Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran; Ooi, 1997: 132-133)

Tahun	Kuantiti (Tan)	Nilai (\$ Negeri-negeri Selat)
1906	14,533	t.d.
1907	7,740	51,230
1908	20,925	t.d.
1909	14,878	t.d.
1910	17,311	t.d.
1911	25,607	t.d.
1912	12,724	80,248
1913	23,743	145,686
1914	25,378	161,583
1915	22,633	148,730
1916	17,810	206,077
1917	12,594	295,800
1918	21,008	413,910
1919	17,363	296,621
1920	17,000	296,003
1921	16,210	275,570
1922	7,440	104,160
1923	8,941	102,820
1924	10,337	98,202
1925	676	6,760
1926	-	-
1927	52	624
1928	25	300
1929	-	-
1930	-	-
1931	57	330
1932	168	1,750
1933	78	618
1934	28	298
1935	25	200
1936	49	392
1937	3	27
1938	54	459

Nota: t.d. - tiada data.

dilakukan dengan serius. Perkara ini jelas apabila daripada tahun 1911 hingga 1928 hanya sebanyak empat tong minyak sahaja dapat dikeluarkan setiap bulan dan ia hanya sesuai sebagai minyak pelincir sahaja (Jatswan, 1995: 33; Jiram, 74-75). Selain itu, minyak juga dilaporkan telah dijumpai dalam jumlah yang besar di Kalakas, daerah Tutong oleh penduduk tempatan yang mereka gunakan sebagai bahan bakar (McArthur, 1987: 148).

Penemuan minyak di dua kawasan di atas menunjukkan dan membuktikan bahawa Brunei merupakan sebuah negeri yang mempunyai potensi minyak. Perkara ini telah menarik minat beberapa buah syarikat cari gali minyak kepunyaan pemodal barat untuk menjalankan penerokaan ke atas minyak di Brunei. Pada masa yang sama, pihak pentadbiran juga sangat berharap kepada penglibatan syarikat-syarikat cari gali minyak untuk memulakan operasi penerokaan minyak di Brunei. Ini terbukti, apabila pihak pentadbiran telah mengeluarkan enam lesen kepada syarikat asing untuk menjalankan penerokaan pada tahun 1906. Walau bagaimanapun, disebabkan kekurangan modal dan masalah pengangkutan kebanyakan syarikat-syarikat ini telah mengalami kegagalan untuk menemukan telaga minyak yang produktif sehingga menyebabkan mereka terpaksa memberhentikan operasi tanpa sebarang hasil (Horton, 1986: 365; Jatswan, 1995: 34; Mohd Shahrol Amira, 1992/1993: 86).

Pada tahun 1922 hanya sebuah syarikat cari gali minyak iaitu Anglo Saxon Petroleum Company yang kemudiannya diperbaharui dengan nama British Malayan Petroleum Company (BMPC) yang meneruskan operasi mencari gali minyak (*Brunei Annual Report*, 1922: 4). Pada tahun berikutnya BMPC telah membesar lagi kawasan operasi mencari gali minyak ke daerah Belait dengan mengambil alih konsesi daripada British Borneo Petroleum Syndicate Limited (*Brunei Annual Report*, 1923: 4). Enam

tahun kemudian, usaha BMPC telah mencapai kejayaan apabila sebuah telaga minyak yang besar telah dijumpai di Seria, daerah Belait pada 5 April 1929 (Horton, 1986: 365; *Brunei Annual Report*, 1929: 8). Namun demikian, minyak yang dihasilkan tidak dapat dieksport pada masa itu kerana nilai minyak di pasaran dunia kurang menggalakkan akibat kemelesetan teruk ekonomi dunia dan BMPC belum mempunyai kemudahan-kemudahan untuk mengeksport seperti pelabuhan, perkapanan, kilang penapisan dan sebagainya. Setelah nilai minyak di pasaran dunia bertambah baik dan paip minyak dari Seria ke kilang penapisan minyak di Lutong, Sarawak siap dibina pada tahun 1932 barulah minyak mentah sebanyak 176,275 tan yang bernilai \$1,094,663 mula dieksport melalui Sarawak<sup>3</sup> (*Brunei Annual Report*, 1931: 36; Horton, 1990: 17; Mohd Shahrol Amira, 1992/1993: 87).

Pada tahun-tahun berikutnya kuantiti dan nilai eksport minyak mentah sentiasa meningkat dari setahun ke setahun sehingga mencapai sebanyak 851,430 tan yang bernilai \$7,514,893 pada tahun 1940, iaitu kuantiti dan nilai tertinggi eksport minyak mentah dalam tempoh ini. Peningkatan ini adalah berpunca daripada bertambahnya jumlah telaga minyak yang produktif iaitu daripada 55 buah pada tahun 1936 kepada 111 buah pada tahun 1938 (Jatswan, 1995: 35). Keadaan ini telah menjadikan Brunei sebagai pengeluar minyak ketiga terbesar dalam kalangan negara British Commonwealth selepas Trinidad dan Burma pada tahun 1935 (Horton, 1986: 366). Selain itu, peningkatan nilai eksport minyak mentah ini juga telah menjadikannya sebagai komoditi pertama terpenting eksport Brunei. Antara tahun 1932 hingga 1941 nilai eksport minyak mentah telah menyumbangkan antara 66 hingga 84 peratus terhadap nilai eksport keseluruhan Brunei. Namun demikian, pada penghujung tempoh ini kuantiti dan nilai

---

<sup>3</sup> Semasa proses pembinaan paip minyak dari Seria ke kilang penapisan minyak di Lutong, Sarawak dijalankan, sebanyak 4,326 tan yang bernilai \$26,864 telah berjaya dihantar pada tahun 1931 sebagai proses percubaan.


eksport minyak mentah telah mengalami penurunan sebanyak 41 peratus daripada tahun 1940 (lihat Rajah 3.7). Penurunan ini adalah kesan daripada tercetusnya Perang Dunia Kedua di Eropah pada September 1939 yang telah menyebabkan BMPC mengambil tindakan mengurangkan pengeluaran minyak dan seterusnya menghentikan segala kegiatannya pada akhir tahun 1941 (*Brunei Annual Report*, 1941: 38).

Pada tahun 1933 saluran gas (*gas line*) dari Seria ke Lutong, Sarawak mula dibina (*Brunei Annual Report*, 1933: 13). Hasil daripada pembinaan ini, gas asli telah mula dieksport pada tahun 1934 sebanyak 792,453,863 kaki padu yang bernilai \$113,207<sup>4</sup> (*Brunei Annual Report*, 1934: 12). Ini menunjukkan bahawa selain daripada penghasilan minyak sebagai komoditi eksport, Brunei juga berjaya menjadikan gas asli sebagai salah satu komoditi eksportnya. Walau bagaimanapun, berbeza dengan perkembangan pengeksporatan minyak mentah, kuantiti dan nilai eksport gas asli telah mengalami kadar pertumbuhan turun naik pada empat tahun awal (1934-1937) pengekspornya. Peningkatan naik secara konsisten pengeksporatan gas asli hanya dicapai pada tahun 1938 hingga 1940. Akibat dasar BMPC mengurangkan pengeluaran minyak secara langsung telah menurunkan juga kuantiti dan nilai eksport gas asli pada tahun 1941 (lihat Rajah 3.8).

Dengan kejayaan pihak Pentadbiran Residen British I melalui penglibatan syarikat-syarikat kepunyaan pemodal barat mewujudkan beberapa perusahaan yang berasaskan tanah daratan seperti yang dijelaskan di atas, telah dapat mengukuh dan meningkatkan jumlah nilai perdagangan Brunei pada tempoh ini. Perkara ini jelas apabila jumlah nilai perdagangan Brunei buat pertama kalinya telah mencapai angka juta pada tahun 1917 iaitu sebanyak \$1,141,711. Daripada jumlah tersebut, 83 peratus, iaitu kira-


---

<sup>4</sup> Semasa proses pembinaan saluran gas dari Seria ke Lutong, Sarawak dijalankan, sebanyak 66,766,726 kaki padu gas telah disalurkan pada tahun 1933 sebagai proses percubaan.



**Rajah 3.7:** Kuantiti dan Nilai Eksport Minyak Mentah 1932-1941

Sumber: *Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran.



**Rajah 3.8:** Kuantiti dan Nilai Eksport Gas Asli 1934-1941

Sumber: *Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran.

kira \$952,260 diperoleh daripada hasil eksport dan 17 peratus, iaitu kira-kira \$189,451 diperoleh daripada hasil import (*Brunei Annual Report*, 1920: 1-2). Tahun-tahun berikutnya, jumlah perdagangan Brunei sentiasa mencapai angka juta, kecuali pada tahun 1922 nilai perdagangan Brunei hanya berjumlah \$968,932 sahaja akibat kemelesetan ekonomi dunia pada awal tahun 1920an (Jiram, 1997: 143-145). Pada sepanjang tempoh Pentadbiran Residen British I, jumlah tertinggi nilai perdagangan Brunei dicatatkan pada tahun 1940 iaitu sebanyak \$13,410,133 (lihat Jadual 3.2).

Perkembangan ekonomi di atas memperlihatkan bahawa Pentadbiran Residen British I lebih menumpu dan menggalakkan terhadap perkembangan nilai perdagangan Brunei melalui pengeksplotasian sumber-sumber daratan iaitu pertanian, perhutanan dan perlombongan. Pengeksplotasian ketiga-tiga sumber tersebut diusahakan oleh beberapa syarikat kepunyaan pemodal barat secara besar-besaran untuk tujuan memenuhi permintaan pasaran dunia. Keadaan ini secara tidak langsung telah mewujudkan keperluan yang tinggi terhadap tenaga buruh. Oleh sebab bilangan penduduk tempatan yang terhad, maka buruh-buruh dari luar, khususnya bangsa India dan Cina terpaksa didatangkan ke Brunei.

Kedatangan buruh-buruh asing ini secara tidak langsung telah meningkatkan permintaan sumber pemakanan tidak terkecuali sumber perikanan sebagai sumber protein termurah. Ini menunjukkan bahawa kepesatan perkembangan ekonomi daratan semasa zaman Pentadbiran Residen British I secara tidak langsung telah meningkatkan permintaan sumber perikanan di Brunei. Perbincangan mengenai peningkatan permintaan sumber perikanan akan dijelaskan pada bahagian lain dalam bab ini.

**Jadual 3.2:** Nilai Perdagangan Brunei 1906-1941 (*Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran)

Tahun	Eksport \$	Peratus %	Import \$	Peratus %	Jumlah \$	Peratus Pertumbuhan	Imbangan (+/-)
1906*	1,560	2.5	60,878	97.5	62,438		
1907*	50,976	38.1	82,775	61.9	133,751	114.2	-31,799
1908*	78,909	49.6	80,029	50.4	158,938	18.8	-1,120
1909*	237,112	77.2	70,207	22.8	307,319	93.4	166,905
1910*	245,639	75	81,985	25	327,624	6.6	163,654
1911	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
1912*	313,924	78.7	84,883	21.3	398,807	-	229,041
1913*	361,934	80.3	88,948	19.7	450,882	13.1	272,986
1914*	377,865	74.9	126,743	25.1	504,608	11.9	251,122
1915	543,707	69.9	234,044	30.1	777,751	54.1	309,663
1916	734,254	74.2	254,756	25.8	989,010	27.2	479,498
1917	952,260	83.4	189,451	16.6	1,141,711	15.4	762,809
1918	1,033,734	74	362,853	26	1,396,587	22.3	670,881
1919	1,126,924	64.7	614,061	35.3	1,740,985	24.7	512,863
1920	1,172,496	61.9	722,678	38.1	1,895,174	8.9	449,818
1921	791,028	65.8	410,854	34.2	1,201,882	-36.6	380,174
1922	577,305	59.6	391,627	40.4	968,932	-19.4	185,678
1923	900,307	65.7	470,463	34.3	1,370,770	41.5	429,844
1924	867,190	51.9	803,242	48.1	1,670,432	21.9	63,948
1925	1,859,736	62.8	1,103,418	37.2	2,963,154	77.4	756,318
1926	1,651,048	50.4	1,625,535	49.6	3,276,583	10.6	25,513
1927	1,443,703	50.4	1,418,515	49.6	2,862,218	-12.6	25,188
1928	1,058,071	43.3	1,385,744	56.7	2,443,815	-14.6	-327,673
1929	1,251,335	45.7	1,484,293	54.3	2,735,628	11.9	-232,958
1930	807,449	24.1	2,536,422	75.9	3,343,871	22.2	-1,728,973
1931	501,494	18.6	2,193,511	81.4	2,695,005	-19.4	-1,692,017
1932	1,505,738	38.3	2,430,247	61.7	3,935,985	46	-924,509
1933	2,191,037	47.6	2,411,768	52.4	4,602,805	16.9	-220,731
1934	3,390,750	65.9	1,751,868	34.1	5,142,618	11.7	1,638,882
1935	3,709,499	65	1,994,059	35	5,703,558	10.9	1,715,440
1936	4,205,270	69.2	1,869,994	30.8	6,075,264	6.5	2,335,276
1937	5,595,240	69	2,516,154	31	8,111,394	33.5	3,079,086
1938	6,580,482	74.3	2,281,799	25.7	8,862,281	9.3	4,298,683
1939	7,858,878	70.7	3,256,768	29.3	11,115,646	25.4	4,602,110
1940	9,622,973	71.8	3,787,160	28.2	13,410,133	20.6	5,835,813
1941	6,624,835	70.8	2,725,809	29.2	9,350,644	-30.3	3,899,026

Nota: \* - 1906-1914 Nilai Perdagangan Eksport dan Import bagi bandar Brunei Sahaja.

\$ - Dolar Negeri-negeri Selat.

t.d. - tiada data.

### **3.4 Pertambahan Penduduk Brunei Semasa Zaman Pentadbiran Residen British I**

Bilangan penduduk Brunei pada zaman Pentadbiran Residen British I telah bertambah dengan drastik. Jika dikira dari anggaran penduduk pada tahun 1906, penduduk Brunei telah meningkat sebanyak 63.1 peratus daripada 25,000 orang pada tahun 1906 kepada 40,774 orang pada tahun 1941. Peratusan peningkatan ini menjadi 87.7 peratus, jika dikira daripada banci penduduk pertama Brunei tahun 1911, iaitu daripada 21,718 orang pada tahun 1911 kepada 40,774 orang pada tahun 1941 (lihat Jadual 3.3).

Dalam tempoh zaman tersebut, banci penduduk dijalankan sebanyak tiga kali, iaitu pada tahun 1911, 1921 dan 1931. Berdasarkan kepada ketiga-tiga banci tersebut, didapati bilangan penduduk daripada semua komuniti kecuali komuniti lain-lain adalah bertambah pada setiap banci. Komuniti Melayu dan puak asli lain merupakan komuniti terbanyak di Brunei pada masa itu. Walaupun peratusan komuniti ini daripada jumlah keseluruham penduduk menurun pada setiap banci, namun dari segi bilangannya sentiasa bertambah, iaitu daripada 20,881 orang pada tahun 1911, kepada 23,943 dan 26,972 pada tahun 1921 dan 1931 (lihat Jadual 3.4). Pertambahan komuniti ini disebabkan tahap kesihatan yang bertambah baik hasil usaha pihak pentadbiran dalam mempertingkatkan dan memperluaskan mutu perkhidmatan kesihatan. Di samping itu penguatkuasaan undang-undang yang menegah penduduk tempatan berhijrah keluar negeri khasnya kawasan berhampiran Sarawak dan Borneo Utara juga antara penyebab pertambahan komuniti ini (Jatswan, 1995: 104-105).

Berikutan perkembangan yang menggalakkan perusahaan getah pada tahun 1920an dan perusahaan minyak dan gas pada tahun 1930an seperti yang dijelaskan sebelum ini telah menarik ramai komuniti Cina untuk berhijrah ke Brunei. Walau bagaimanapun, penghijrahan komuniti ini ke Brunei bukanlah secara langsung dari benua

**Jadual 3.3:** Jumlah Penduduk Brunei 1906-1941 (*Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran; *BDSYB*, Pelbagai keluaran)

Tahun	Jumlah Penduduk
1906	25,000
1907-1910	t.d.
<b>1911</b>	<b>21,718*</b>
1912-1920	t.d.
<b>1921</b>	<b>25,451*</b>
1922-1926	t.d.
1927	37,878
1928	35,000
1929	28,329
1930	31,170
<b>1931</b>	<b>30,135*</b>
1932	30,590
1933	32,900
1934	32,971
1935	33,732
1936	34,016
1937	35,963
1938	37,868
1939	39,387
1940	39,445
1941	40,774

Nota: \* - data Banci Penduduk.

t.d. - tiada data.

**Jadual 3.4:** Penduduk Brunei Mengikut Banci Penduduk 1911, 1921 dan 1931  
*(Brunei Annual Report, 1911: 11; Nathan, 1922: 126)*

Kaum/Tahun	1911		1921		1931	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Melayu dan Puak Asli Lain	20,881	96.15	23,943	94.06	26,972	89.50
Eropah	20	0.09	35	0.14	60	0.20
Eurasian	2	0.01	1	0.004	10	0.03
Cina	736	3.39	1,423	5.59	2,683	8.90
India	44	0.20	38	0.15	377	1.25
Lain-Lain	35	0.16	11	0.04	33	0.11
Jumlah	21,718	100	25,451	100	30,135	100

China tetapi melalui Singapura atau kawasan berhampiran seperti Jesselton, Labuan dan Miri (Jatswan, 1995: 106; *Brunei Annual Report*, 1924: 24; Jiram, 1997: 186). Penghijrahan ini telah menjadikan komuniti ini menjadi komuniti kedua terbanyak di Brunei. Di samping itu, bilangan dan peratusan komuniti ini juga sentiasa meningkat pada setiap banci, iaitu daripada 736 orang (3.39 peratus) pada tahun 1911, menjadi 1,423 orang (5.59 peratus) pada tahun 1921 dan seterusnya menjadi sebanyak 2,683 orang (8.90 peratus) pada tahun 1931 (lihat Jadual 3.4). Ini menunjukkan bahawa dari tahun 1911 hingga tahun 1931, komuniti Cina telah bertambah sebanyak 265.0 peratus.

Walaupun bilangan dan peratusan komuniti India mengalami sedikit penurunan daripada 44 orang pada tahun 1911 kepada 38 orang pada tahun 1921. Namun demikian, pada tahun 1931 komuniti ini telah bertambah sebanyak 892.1 peratus daripada tahun 1921 yang menambahkan komuniti ini menjadi 377 orang (lihat Jadual 3.4). Pertambahan sangat drastik tersebut adalah kesan daripada penguatkuasaan *The Indian Immigration Enactment* pada tahun 1924 (*Brunei Annual Report*, 1924: 6), berikutan keperluan tinggi terhadap tenaga buruh India daripada ladang-ladang getah dan syarikat cari gali minyak kepunyaan pemodal barat. Sama seperti komuniti Cina, kemasukan komuniti India ke Brunei dibawa dari Singapura dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Jatswan, 1995: 106-107).

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, pihak pentadbiran telah memberi ruang yang luas kepada para pemodal barat untuk mengusahakan beberapa kegiatan ekonomi di Brunei. Keadaan ini sekali gus telah menambahkan bilangan komuniti Eropah dan Eurasian. Walaupun bilangan dan peratusan kedua-dua komuniti ini sangat kecil jika dibandingkan dengan komuniti-komuniti lain, namun bilangan kedua-dua komuniti ini telah bertambah dengan drastik pada tahun 1931. Ini jelas apabila komuniti Eropah telah

meningkat sebanyak 200 peratus, iaitu daripada 20 orang pada tahun 1911 kepada 60 orang pada tahun 1931. Begitu juga komuniti Eurasian, telah bertambah daripada dua orang pada tahun 1911 kepada 10 orang pada tahun 1931 iaitu peningkatan sebanyak 400 peratus (lihat Jadual 3.4). Peningkatan drastik kedua-dua komuniti ini berkaitan dengan kejayaan penemuan minyak oleh pihak BMPC pada tahun 1929 yang menghendaki mereka untuk membawa masuk lebih ramai komuniti Eropah dan Eurasian selaku tenaga mahir dalam perusahaan minyak.

Peningkatan bilangan dan peratusan bagi komuniti-komuniti di atas tidak berlaku bagi komuniti lain-lain. Ini jelas, walaupun komuniti lain-lain telah bertambah daripada 11 orang pada tahun 1921 kepada 33 orang pada tahun 1931, namun jumlah ini tetap menurun jika dibandingkan dengan jumlah komuniti ini pada tahun 1911 seramai 35 orang (lihat Jadual 3.4). Dengan pertambahan drastik bilangan penghijrahan komuniti Cina, India, Eropah dan Eurasian, menunjukkan bahawa pada zaman Pentadbiran Residen British I telah lahir sebuah masyarakat kosmopolitan di Brunei yang boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu peribumi dan imigran.

Taburan penduduk dalam ketiga-tiga banci penduduk Brunei juga memperlihatkan bahawa pertambahan penduduk dipengaruhi oleh keadaan ekonomi, perkembangan pusat bandar (pentadbiran) dan perdagangan. Perkara ini jelas apabila sebahagian besar penduduk menetap di daerah Brunei yang menjadi pusat pentadbiran dan perdagangan. Sungguhpun daerah ini menjadi tumpuan penduduk, namun bilangan penduduknya pada tahun 1921 telah mengalami penurunan 2.3 peratus daripada tahun 1911, iaitu daripada 14,663 orang pada tahun 1911 menjadi 14,130 pada tahun 1921. Penurunan ini disebabkan penghijrahan penduduk daerah Brunei ke daerah-daerah lain untuk menjadi buruh di beberapa buah syarikat kepunyaan pemodal barat. Pada tahun

1931, barulah jumlah penduduk daerah Brunei bertambah daripada 14,130 orang pada tahun 1921 kepada 16,686 orang pada tahun 1931, iaitu pertambahan sebanyak 18.1 peratus (lihat Jadual 3.5).

Taburan jumlah penduduk di daerah-daerah lain pula lebih dipengaruhi oleh perkembangan ekonomi yang diusahakan. Perkara ini jelas apabila jumlah penduduk yang menetap di daerah Belait yang hanya meningkat sebanyak 36 peratus dalam tempoh antara tahun 1911 hingga 1921, telah meningkat dengan drastik sebanyak 152.7 peratus pada tempoh 10 tahun kemudian (1921-1931). Peningkatan drastik ini disebabkan penemuan minyak di daerah Belait pada tahun 1929. Manakala daerah Tutong yang terletak di antara daerah Brunei dan daerah Belait juga telah mengalami pertambahan penduduk pada setiap banci. Penduduk yang menetap di daerah ini telah bertambah daripada 3,423 orang pada tahun 1911 kepada 4,319 dan 5,651 pada tahun 1921 dan 1931 (lihat Jadual 3.5). Pertambahan ini juga disebabkan oleh kewujudan beberapa kegiatan ekonomi terutama sektor perhutanan dan pertanian seperti sagu, kayu balak dan getah (*Brunei Annual Report*, 1911: 6).

Kepentingan ekonomi dalam mempengaruhi bilangan penduduk tersebut bertambah jelas lagi apabila bilangan penduduk yang menetap di daerah Muara (Brooketon) dan daerah Temburong hanya mengalami peningkatan pada tempoh tahun 1911 hingga 1921 sahaja. Manakala pada tempoh tahun 1921 hingga 1931 telah mengalami penurunan. Peningkatan pada tempoh awal tersebut disebabkan perkembangan pesat perusahaan arang batu di daerah Muara dan perusahaan getah di daerah Temburong. Apabila perusahaan arang batu mengalami kemerosotan pada pertengahan tahun 1920an dan kejatuhan harga getah pada awal tahun 1930an, sekali gus telah mengurangkan jumlah penduduk di kedua-dua daerah ini. Ini jelas apabila bilangan

**Jadual 3.5:** Taburan Penduduk Menurut Daerah (*Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran; Saunders, 1994: 119; Nathan, 1922: 158; Vlieland, 1932: 158)

Tahun / Daerah	1911		1921		1931	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Brunei	14,463	66.6	14,130*	55.5	16,686	55.4
Muara	1,447	6.7	2,548	10	1,595	5.3
Belait	1,126	5.2	1,542	6.1	3,897	12.9
Tutong	3,423	15.8	4,319	17	5,651	18.8
Temburong	1,259	5.8	2,912	11.4	2,306	7.7
Jumlah	21,718	100	25,451	100	30,135	100

Nota: \* - 3,297 orang daripadanya dibanci daripada Kampung Kedayan.

penduduk daerah Muara telah berkurangan daripada 2,548 orang pada tahun 1921 menjadi 1,565 orang pada tahun 1931, dan daerah Temburong daripada 2,912 orang pada tahun 1921 menjadi 2,306 orang pada tahun 1931 (lihat Jadual 3.5). Pertambahan drastik bilangan penduduk yang dipengaruhi oleh keadaan ekonomi, perkembangan pusat bandar (pentadbiran) dan perdagangan secara langsung telah meningkatkan permintaan sumber pemakanan termasuk juga sumber perikanan sebagai sumber protein yang telah meningkat dari masa ke semasa.

### **3.5 Perkembangan Perusahaan Perikanan Semasa Zaman Pentadbiran Residen British I**

Jika dibandingkan dasar pihak Pentadbiran Residen British I dengan dasar pihak Pentadbiran Tradisi sebelum ini terhadap pembangunan perusahaan perikanan adalah lebih kurang sama. Pentadbiran Residen British I juga tidak memberi perhatian terhadap pembangunan perusahaan perikanan. Perkara ini jelas, apabila perusahaan perikanan pada zaman Pentadbiran Residen British I tidak mendapat tempat dalam pembangunan ekonomi pada masa itu. Pihak pentadbiran lebih memberi perhatian terhadap perkembangan dan pembangunan ekonomi yang berlandaskan sumber-sumber daratan seperti pertanian, perhutanan dan perlombongan.

Pada zaman itu, perusahaan perikanan dianggap kurang penting kerana tidak mempunyai nilai tinggi dalam pasaran antarabangsa. Oleh yang demikian, pihak pentadbiran tidak memberi sebarang bantuan dan galakan dalam pembangunan perusahaan perikanan. Selain itu, pihak pentadbiran juga tidak mengeluarkan sebarang pelaburan ataupun perbelanjaan untuk memajukan perusahaan perikanan. Ini menunjukkan bahawa perusahaan perikanan pada zaman itu hanya dibiarkan berkembang sendiri sama seperti yang berlaku pada zaman Pentadbiran Tradisi. Keadaan ini telah menyebabkan nilai eksport perusahaan perikanan tidak mendatangkan pendapatan yang

tinggi dalam perdagangan luar Brunei berbanding sektor-sektor ekonomi lain. Pada sepanjang tempoh ini, nilai eksport komoditi daripada perusahaan perikanan tidak pernah menjadi komoditi eksport utama Brunei. Nilai tertinggi eksport perusahaan perikanan pada tempoh ini hanya berjumlah sebanyak \$61,566 yang dicatatkan pada tahun 1920 (*Brunei Annual Report*, 1920: 2). Nilai eksport ini hanya menyumbangkan sebanyak 5.3 peratus daripada nilai keseluruhan eksport Brunei pada tahun tersebut.

Walaupun sumber perikanan bukan merupakan komoditi eksport penting, namun sumber ini masih diperlukan untuk memenuhi keperluan dan permintaan pasaran tempatan yang semakin meningkat. Pada zaman Pentadbiran Tradisi, pengeluaran sumber perikanan lebih kepada memenuhi permintaan para penduduk di kawasan Kampong Ayer, kawasan pedalaman dan golongan berada di Benua China. Manakala pada zaman Pentadbiran Residen British I, pengeluaran sumber perikanan lebih kepada memenuhi permintaan buruh atau dieksport ke luar negara terutama Singapura (*Brunei Annual Report*, 1929: 8). Oleh sebab kebanyakan permintaan datang dari golongan buruh dan untuk tujuan eksport, maka hasil perikanan yang dikeluarkan pada zaman Pentadbiran Residen British I berbeza dengan zaman sebelumnya. Pada zaman Pentadbiran Tradisi, sumber perikanan dalam bentuk segar dan yang diproses dikeluarkan untuk memenuhi permintaan daripada penduduk Kampong Ayer dan kawasan pedalaman serta komoditi tripang, mutiara, kulit penyu dan sirip ikan jerung untuk dieksport ke Benua China. Manakala pada zaman Pentadbiran Residen British I hasil perikanan yang dikeluarkan lebih tertumpu kepada produk ikan masin, ikan kering dan udang kering untuk memenuhi permintaan tenaga buruh dan pasaran eksport ke Singapura. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna hasil perikanan dalam bentuk segar tidak mendapat permintaan sama sekali. Hasil perikanan segar masih diperlukan oleh para penduduk yang berada di kawasan bandar Brunei.

Berikut dengan perubahan dari segi bentuk komoditi perikanan yang dikeluarkan dan dasar pihak pentadbiran yang tidak memberi perhatian sepenuhnya kepada pembangunan perusahaan perikanan, telah memberi ruang yang lebih luas lagi kepada golongan pemodal Cina yang sudah mula melibatkan diri pada zaman Pentadbiran Tradisi untuk terus menguasai dan memonopoli perusahaan perikanan. Ini jelas apabila golongan pemodal Cina telah berjaya menguasai perusahaan perikanan dengan mudah dari peringkat pemasaran hingga ke peringkat pengeluaran. Pada setiap peringkat ini, golongan pemodal Cina tidak menghadapi sebarang saingen atau campur tangan daripada mana-mana pihak termasuk pihak pentadbiran. Hal ini disebabkan, hampir keseluruhan nelayan tempatan tidak menceburi bidang berkenaan dan mereka hanya berperanan sebagai pengeluar atau pembekal sumber perikanan kepada golongan pemodal Cina.

*“The actual fishing is done almost entirely by Malays but the financing of the industry and the preparation, export and marketing of the dried product are in the hands of Chinese merchants”* (*Brunei Annual Report*, 1936: 12).

Pada peringkat pemasaran golongan pemodal Cina telah menguasai dan memonopoli aktiviti pemasaran sumber perikanan, sama ada untuk pasaran tempatan mahupun pasaran antarabangsa. Di pasaran tempatan, golongan pemodal Cina telah memonopoli sebahagian besar keseluruhan sumber perikanan yang didaratkan oleh para nelayan untuk dimasin atau dikeringkan. Produk sumber perikanan yang telah dimasin atau dikeringkan tersebut akan dihantar atau dipasarkan ke kawasan perlombongan arang batu, minyak, perladangan getah dan pembalakan untuk sumber makanan dan protein tenaga buruh. Di pasaran antarabangsa pula mereka menguasai urusan pengeksportan produk udang kering, ikan kering dan ampuras udang (*prawn refuse*) yang mempunyai permintaan dan nilai tinggi di pasaran Singapura (*Brunei Annual Report*, 1929: 8).

Selain menguasai urusan pemasaran, golongan pemodal Cina juga menguasai urusan pemprosesan. Ini jelas apabila sebuah kilang proses pengeringan (*drying depot*) telah dibuka di Pulau Berbunot pada tahun 1918 (*Brunei Annual Report*, 1919: 1). Kilang ini mengusahakan proses pengeringan udang untuk dieksport ke pasaran Singapura. Pada masa yang sama beberapa orang pemodal Cina telah membuka beberapa kilang untuk memproses ikan masin dan ikan kering untuk memenuhi keperluan permintaan tenaga buruh dan pasaran eksport. Kewangan perusahaan ini dibiayai sepenuhnya oleh golongan pemodal Cina. Manakala penduduk tempatan hanya menjadi pekerja dalam proses pengeringan. Pelbagai jenis ikan daripada yang bermutu tinggi hingga rendah telah diproses menjadi ikan masin atau ikan kering (Kassim, 2008: Temu bual) (lihat Jadual 3.6). Dengan kewujudan kilang-kilang ini, komoditi eksport udang kering, ampuras udang (*prawn refuse*) dan ikan kering telah dapat dihasilkan.

Bagi mengembangkan perusahaan pengeringan dan pemasinan sumber perikanan tersebut, golongan pemodal Cina telah menguasai bekalan garam yang menjadi bahan utama dalam penghasilan produk ikan masin, ikan kering dan udang kering. Dalam proses pemasinan sepikul ikan segar, secara purata sebanyak 25 kati garam diperlukan (Mohammad Raduan, 2006: 102). Oleh sebab produk ikan masin dan ikan kering mempunyai permintaan tinggi pada masa itu, maka kuantiti dan nilai import garam telah meningkat daripada 1,687 pikul dengan nilai \$4,408 pada tahun 1921 kepada 2,839 pikul yang bernilai \$5,488 pada penghujung tempoh ini (lihat Jadual 3.7).

Dalam usaha mengukuhkan penguasaan terhadap urusan pemasaran dan pemprosesan, bekalan sumber perikanan segar untuk dimasin dan dikeringkan perlu diperoleh dari semasa ke semasa. Justeru itu, golongan pemodal Cina telah menguasai peringkat pengeluaran dengan memperkenalkan “sistem tauke” kepada para nelayan.

**Jadual 3.6:** Jenis-jenis Ikan yang dijadikan Ikan Masin dan Ikan Kering (Kapitan, 2008: Temu bual; Kassim, 2008: Temu bual)

Melayu (Brunei)	Inggeris	Saintifik
Badukang	Catfish	<i>Arius venosus / Arius spp.</i>
Bakalang	Queenfish	<i>Chorinemus spp.</i>
Balanak	Mullet	<i>Mugil spp.</i>
Duai hitam	White promfret	<i>Stromateus cinereus</i>
Duai puteh	Black promfret	<i>Apolectus niger</i>
Jarang gigi	Croaker	<i>Otolithes spp &amp; Johnius spp.</i>
Kurau	Giant threadfin	<i>Eleutheronema tetradactylum</i>
Manyong	Giant salmon catfish	<i>Arius thalassinus</i> (Ruppell)
Menangin	Blackspot threadfin	<i>Polynesus sextarius</i>
Merah	Red snapper	<i>Lutjanidae / Lutjanus spp.</i>
Pari	Rays & skates	<i>Selachii</i>
Pusu	Anchovies	<i>Stolephorus heterolobus</i>
Rumahan bini	Chub mackerel	<i>Rastrelliger brachysoma</i>
Sapehee	Spotted sickle fish	<i>Drepanidae</i>
Selungsung	Seabass	<i>Lates calcarifer</i>
Tamban	Fringescale sardinnela	<i>Sardinella sp.</i>
Tarubuk	Shads	<i>Hilsa toli</i>
Tenggiri	Spanish mackerel	<i>Scomberomorus spp.</i>
Umpak	Common jvelelin fish	<i>Pomadasys spp.</i>
Ungah	Mangrove red snapper	<i>Seaperch</i>
Utek	Catfish	<i>Arius maculatus</i>
Yu	Shark	<i>Charcharrinidae</i>

**Jadual 3.7:** Kuantiti dan Nilai Import Garam 1921-1941 (*Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran)

Tahun	Kuantiti (Pikul)	Nilai (\$ Negeri-negeri Selat)
1921	1,687	4,408.00
1922	2,011	4,855.00
1923	1,782	3,788.00
1924	1,984	4,055.00
1925	2,105	4,330.00
1926	2,132	4,038.00
1927	2,047	4,268.00
1928	2,185	3,832.00
1929	2,481	4,622.00
1930	2,499	4,612.00
1931	2,401	3,485.00
1932	2,755	2,922.00
1933	2,613	2,048.00
1934	2,353	1,701.00
1935	2,827	1,885.00
1936	2,596	2,252.00
1937	2,766	2,463.00
1938	2,721	2,819.00
1939	2,872	3,353.00
1940	3,161	4,554.00
1941	2,839	5,488.00

Melalui sistem ini, golongan pemodal Cina bertanggungjawab mengeluarkan modal dan perbelanjaan secara kredit untuk membeli bahan-bahan binaan teknologi penangkapan ikan seperti buluh, kayu dan benang. Sistem ini dilaksanakan melalui kontrak secara lisan tanpa surat perjanjian yang menghendaki para nelayan untuk menjual segala hasil tangkapan yang didaratkan kepada golongan pemodal Cina. Para nelayan tidak dibenarkan untuk menjual hasil tangkapan ke tempat lain (Kapitan, 2008: Temu bual; Kassim, 2008: Temu bual). Dengan adanya sistem ini, bekalan sumber perikanan yang hendak dimasin dan dikeringkan dapat diperoleh secara berterusan daripada nelayan dan pada masa yang sama harga sumber perikanan di pasaran juga dapat dikawal. Selain itu, secara tidak langsung golongan pemodal Cina juga telah dapat mengawal nelayan yang terpaksa menanggung hutang dalam masa yang agak panjang.

Penguasaan dan penglibatan golongan pemodal Cina dalam perusahaan perikanan menunjukkan bahawa walaupun pihak pentadbiran tidak memberi perhatian sepenuhnya terhadap pembangunan perusahaan perikanan, namun mereka tidak juga menyekat atau menghalang mana-mana pihak yang ingin mengembangkan perusahaan ini. Perkembangan perusahaan perikanan terutama dari eksport udang kering telah membolehkan pihak pentadbiran memperoleh pendapatan daripada cukai eksport udang kering. Pihak pentadbiran telah mengenakan sebanyak \$3.00 bagi sepikul udang kering yang dieksport (*Brunei Annual Report*, 1929: 9).

Selain itu, pihak pentadbiran juga memperoleh pendapatan daripada bayaran lesen-lesen bot perikanan, kebenaran menangkap ikan, peralatan dan kaedah yang digunakan. Bagi mempastikan bayaran-bayaran ini dapat diperoleh pihak pentadbiran telah menggubal dan menguatkuasakan *Enactment No. IX of 1920, The Light and Small*

*Shipping Enactment* pada tahun 1920.<sup>5</sup> Mengikut enakmen tersebut, setiap bot perikanan yang menjalankan aktiviti menangkap ikan hendaklah dilesenkan kecuali untuk kegunaan sendiri. Bayaran yang dikenakan bagi setiap bot perikanan ialah sebanyak 25 sen setahun. Melalui enakmen ini juga, setiap aktiviti menangkap ikan, jenis peralatan dan kaedah yang digunakan hendaklah dilesenkan. Penentuan bayaran bagi lesen-lesen berkenaan adalah atas kuasa Residen British dari masa ke semasa.<sup>6</sup> Selain itu, Residen British juga diberi kuasa untuk menetap atau menentukan had kawasan menangkap ikan. Di samping itu, kewujudan enakmen ini juga membolehkan pihak pentadbiran mengawal dan mengenal pasti hak milik bot, jenis peralatan dan kaedah menangkap ikan yang digunakan pada masa itu.

Manakala pada tahun 1922, pihak pentadbiran telah menggubal dan menguatkuaskan satu enakmen yang mengharamkan penggunaan akar tuba dan bahan letupan dalam aktiviti menangkap ikan melalui *Enactment No. 4 of 1922, An Enactment to Prohibit the Destruction of Fish by Tuba or Dynamite*.<sup>7</sup> Kewujudan enakmen ini memperlihatkan bahawa pihak pentadbiran juga mengambil kira dan mengawal terhadap keselamatan dan kebersihan sumber-sumber perikanan yang dibekalkan kepada para penduduk dan tenaga buruh asing. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan enakmen ini telah memberi impak yang negatif kepada para nelayan tempatan kerana mereka telah kehilangan salah satu kaedah yang dapat menghasilkan tangkapan yang memuaskan pada zaman Pentadbiran Tradisi.

---

<sup>5</sup> Satu pindaan telah dibuat terhadap enakmen ini pada tahun 1935 di bawah *Enactment No. 3 of 1935, An Enactment to Amend The Light and Small Shipping Enactment No. IX of 1920*. Akan tetapi pindaan tersebut tidak menyentuh tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan sektor perikanan.

<sup>6</sup> Lebih lanjut lihat *Enactment No. IX of 1920, The Light and Small Shipping Enactment*.

<sup>7</sup> Lebih lanjut lihat *Enactment No. 4 of 1922, An Enactment to Prohibit the Destruction of Fish by Tuba or Dynamite*.

Dari apa yang dibincangkan di atas jelas menunjukkan bahawa perkembangan perusahaan perikanan pada zaman Pentadbiran Residen British I lebih tertumpu kepada usaha-usaha untuk memenuhi permintaan yang sedang meningkat daripada tenaga buruh dan perdagangan eksport. Peningkatan permintaan sumber perikanan ini telah mendorong golongan pemodal Cina untuk melibatkan diri dalam perusahaan perikanan. Untuk menguasai perusahaan perikanan sepenuhnya dan meraih keuntungan daripadanya, selain menguasai urusan pemasaran dan pemprosesan, mereka telah berusaha mengawal nelayan dan teknologi penangkapan ikan yang menjadi asas utama perusahaan perikanan. Usaha ini telah menyebabkan teknologi penangkapan ikan mengalami beberapa perubahan sama ada dari segi reka bentuk, saiz, bilangan dan kawasan operasi. Di samping itu, beberapa teknologi penangkapan ikan yang baru juga telah dapat dicipta dan dibina. Untuk memahami lebih lanjut lagi mengenai perkembangan dan perubahan teknologi penangkapan ikan semasa zaman Pentadbiran Residen British I, perkara ini akan dibincang dengan lebih terperinci pada bahagian lain dalam bab ini.

### **3.6 Tenaga Buruh Perikanan Semasa Zaman Pentadbiran Residen British I**

Berdasarkan kepada jumlah penduduk pada banci tahun 1921,<sup>8</sup> didapati kumpulan penduduk yang aktif dalam pekerjaan ialah sebanyak 47.6 peratus. Manakala pada tahun 1931 pula, peratusan ini berkurangan sedikit menjadi 46.3 peratus. Sebahagian besar penduduk yang aktif dalam pekerjaan tersebut terlibat dalam kegiatan pertanian, iaitu 8,233 orang atau 68.0 peratus pada tahun 1921 dan 8,289 orang atau 59.5 peratus pada tahun 1931 (lihat Jadual 3.8). Hanya 8.2 peratus atau 989 orang penduduk sahaja terlibat dalam kegiatan perikanan pada tahun 1921. Peratusan dan bilangan ini semakin berkurangan menjadi 6.7 peratus atau 936 orang pada tahun 1931.

---

<sup>8</sup> Laporan Banci Penduduk Tahun 1911 tidak menyatakan kumpulan penduduk yang aktif dalam ekonomi.

**Jadual 3.8:** Bilangan Penduduk Aktif Dalam Pekerjaan Berdasarkan Banci Penduduk 1921 dan 1931 (Nathan, 1922: 260-265; Vlieland, 1932: 305-308)

Industri	1921		1931	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
Perikanan	989	8.2	936	6.7
Pertanian	8,233	68.0	8,289	59.5
Perlombongan dan Kuari	106	0.9	58	0.4
Pembuatan ( <i>Manufacture</i> )	1,169	9.7	1,539	11.0
Pengangkutan dan Perhubungan	106	0.9	233	1.7
Perdagangan	888	7.3	688	4.9
Pentadbiran dan Profesional	140	1.2	215	1.5
Perkhidmatan Personal	174	1.4	516	3.7
Lain-Lain	307	2.5	1,465	10.5
Jumlah Keseluruhan	12,112	100.0	13,939	100.0

Statistik di atas jelas memperlihatkan bahawa bilangan dan peratusan penduduk yang terlibat dalam kegiatan perikanan adalah sedikit berbanding dengan bilangan dan peratusan penduduk yang terlibat dalam kegiatan pertanian. Hal ini disebabkan kegiatan perikanan hanya melibatkan penduduk tempatan sahaja. Walaupun bilangan imigran semakin meningkat seperti yang dijelaskan sebelum ini, namun mereka tidak terlibat dalam kegiatan perikanan. Ini menunjukkan bahawa dasar ekonomi Pentadbiran Residen British I yang lebih mengutamakan kepada kegiatan ekonomi daratan secara tidak langsung telah mempengaruhi terhadap penurunan bilangan penduduk yang terlibat dalam kegiatan perikanan yang pernah menjadi pekerjaan utama sebahagian besar penduduk Brunei semasa Pentadbiran Residen British baru diperkenalkan pada tahun 1906.

Keseluruhan tenaga buruh perikanan pada tempoh ini terdiri daripada nelayan tempatan yang terikat di bawah “sistem tauke” seperti yang dijelaskan sebelum ini. Walaupun sistem ini telah menyebabkan tenaga buruh perikanan sentiasa dikawal oleh golongan pemodal Cina, namun adanya sistem kredit kewangan berasaskan “sistem tauke” ini telah membolehkan para nelayan untuk menambah bilangan beberapa teknologi penangkapan ikan dalam operasi menangkap ikan. Di samping itu, bantuan ini juga telah mendorong para nelayan untuk mengubah suai reka bentuk, saiz dan kawasan operasi beberapa teknologi penangkapan ikan serta menciptakan beberapa teknologi penangkapan ikan yang baru. Ini menunjukkan bahawa seiring dengan peningkatan permintaan sumber perikanan, ditambah dengan penglibatan golongan pemodal Cina, beberapa teknologi penangkapan ikan telah mengalami perubahan dan juga beberapa teknologi penangkapan ikan yang baru dapat diciptakan.

Walaupun jumlah penduduk yang terlibat dalam kegiatan perikanan sedikit, namun dengan adanya bantuan daripada golongan pemodal, mereka dapat memenuhi permintaan sumber perikanan daripada penduduk tempatan dan buruh asing yang terlibat dalam sektor ekonomi pada peringkat awal tempoh ini. Pada masa yang sama, mereka juga dapat menghasilkan beberapa produk perikanan seperti ikan kering, udang kering dan ampuras udang (*prawn refuse*) untuk dieksport ke pasaran antarabangsa.

### **3.7 Teknologi Penangkapan Ikan Semasa Zaman Pentadbiran Residen British I**

Secara umum teknologi penangkapan ikan yang digunakan pada zaman Pentadbiran Residen British I masih kekal dalam bentuk tradisi seperti zaman sebelumnya. Teknologi yang digunakan relatifnya berada pada tahap yang rendah dan mudah dikendalikan. Ia dikendalikan sepenuhnya oleh tenaga manusia. Kebanyakan bahan binaan yang digunakan untuk membina teknologi penangkapan ikan diperoleh dari hutan-hutan di kawasan persekitaran tempat nelayan tinggal atau dibeli dari kawasan pedalaman. Hanya benang satu-satunya bahan binaan yang diimport dari luar negara pada waktu itu.

Walau bagaimanapun teknologi penangkapan ikan yang berbentuk tradisi ini perlu meningkatkan hasil tangkapan untuk memenuhi permintaan sumber perikanan yang semakin meningkat seperti yang dijelaskan terdahulu. Disebabkan bilangan penduduk yang terlibat dalam perusahaan perikanan semakin menurun pada tempoh ini, maka beberapa teknologi penangkapan ikan yang digunakan ketika itu perlu diubah suai bagi meningkatkan hasil tangkapan. Namun demikian, tidak semua teknologi yang digunakan selama ini mengalami perubahan. Teknologi-teknologi penangkapan ikan sama ada yang mudah atau lebih kompleks yang hasil tangkapannya ketika itu kurang memuaskan seperti *tampuling*, *sangkap*, *selambau* dan *bubu* tetap kekal tidak mengalami sebarang bentuk perubahanan. Teknologi-teknologi ini hanya digunakan oleh para nelayan untuk

memenuhi keperluan makanan harian sahaja. Di samping itu, kaedah menangkap ikan dengan tangan yang sebelum ini menjadi kaedah terpenting untuk memungut tripang, mutiara dan kulit penyu untuk pasaran eksport hanya dilakukan untuk mengutip ikan dan akuatik lain di kawasan gigi pantai untuk keperluan makanan harian sahaja.


Manakala teknologi penangkapan ikan *tugu*, walaupun tidak mengalami perubahan reka bentuk, saiz atau bahan binaannya, tetapi teknologi ini telah diperluas penggunaannya melalui penambahan bilangannya dalam sesuatu operasi menangkap ikan. Usaha memperluas penggunaan teknologi ini memerlukan modal dan tenaga yang ramai. Dalam hal ini, golongan pemodal Cina telah memainkan peranan penting dengan memberikan modal dan perbelanjaan secara kredit kepada para nelayan untuk membeli bahan-bahan binaan dalam membina teknologi tersebut. Perluasan penggunaan teknologi penangkapan ikan *tugu* oleh golongan pemodal Cina ini bertujuan untuk memastikan bekalan udang segar untuk dikeringkan dapat diperoleh dalam kuantiti yang banyak. Hal ini disebabkan pada ketika itu, teknologi penangkapan ikan *tugu* merupakan teknologi yang paling efisien untuk mendaratkan udang.

Selain itu, golongan pemodal Cina juga telah memberikan modal dan perbelanjaan secara kredit untuk mendapatkan bahan-bahan binaan teknologi penangkapan ikan kelong. Ini disebabkan teknologi penangkapan ikan kelong merupakan teknologi utama untuk mendaratkan pelbagai jenis ikan dalam kuantiti yang banyak pada ketika itu. Dengan adanya bantuan kredit daripada golongan pemodal Cina, penggunaan kelong dapat diperbanyak. Pada masa yang sama kawasan operasi kelong yang sebelumnya hanya di kawasan perairan dasar pasir di tengah laut telah diperluas ke kawasan tebing sungai dan anak sungai. Bagi membolehkan kelong digunakan dan disesuaikan dengan keadaan kawasan yang baru, reka bentuk dan saiz kelong telah diubah

suai yang sekali gus telah menghasilkan beberapa teknologi yang menggunakan asas dan bahan binaan yang sama dengan kelong seperti *lintau*, *kabatan* dan *tabeh*.

Reka bentuk *lintau* lebih kurang sama dengan kelong, tetapi *lintau* lebih kecil saiznya dan ia hanya mempunyai empat bahagian sahaja, iaitu *binuan*, *ayangan*, *pengaluk* dan *amparan* (lihat Rajah 3.9). Berbeza dengan kelong, *lintau* dibina atau dipasang di tebing atau kuala sungai yang cetek yang bahagian mukanya menghadap ke daratan. Aktiviti menangkap ikan dengan menggunakan alat ini berdasarkan kepada pasang surut air. Semasa air pasang, ikan-ikan akan menuju ke tebing-tebing sungai, kemudian apabila air surut ikan-ikan kembali ke laut dan tersekat pada bahagian *amparan* sebelum dipandu masuk ke bahagian *binuan*. Operasi mengutip hasil tangkapan dilakukan pada ketika air tohor dengan menggunakan *siut*. *Pelintau* (nelayan) akan *menyiut* ikan-ikan di dalam *binuan* lalu memasukkannya ke dalam *belatak* yang lazimnya digantung di *turus binuan*. Walaupun pelbagai jenis ikan boleh didaratkan, namun udang (*penaeus sp.*) merupakan hasil tangkapan utama teknologi penangkapan ikan *lintau* (Alimin, 1979: 5; Nayan, 2013: 36-38; *Berita Jabatan Perikanan*, 1987: 9-11; Kapitan, 2008: Temu bual).

Manakala *kabatan* atau *kabat* merupakan alat yang mudah digunakan kerana tidak memerlukan tenaga yang ramai. *Kabatan* digunakan di kawasan tebing-tebing sungai atau di kawasan yang sering mengalami ketohoran. *Kabatan* mempunyai tiga bahagian iaitu *binuan*, *ayangan* dan *amparan*. Terdapat dua *binuan* dalam *kabatan* iaitu *binuan* utama dan *binuan sisir*. Bentuk *binuan* utama lebih kurang sama dengan bentuk *binuan* kelong. *Binuan sisir* pula dipasang berhadapan pintu *binuan* utama yang berbentuk tiga rangkai yang kedua-dua hujungnya menyimpang menghadap pintu *binuan*. Panjang *binuan sisir* kira-kira satu meter dan hujung *binuan sisir* tidak bertemu dengan mana-mana bahagian anggota *kabatan*. Manakala *ayangan kabatan* memerlukan kira



**Rajah 3.9:** Lintau

Sumber: Jabatan Muzium Brunei, 1988: 107.

kira tiga bidang *balat* yang didirikan secara melurus ke kiri dan ke kanan bermula dari siku *binuan* utama hingga bertemu dengan hujung *amparan*. Setelah itu barulah dipasangkan atau disambung dari hujung *ayangan* hingga membawa hujung *amparan* ini ke kawasan yang lebih cetek. *Amparan* ini lebih panjang daripada *ayangan* dan *balat* yang digunakan boleh mencapai hingga seratus bidang.

Operasi menangkap ikan dengan *kabatan* boleh dilakukan dengan dua cara. Pertama dilakukan ketika air mulai naik pasang, dengan membuka bahagian hujung pertemuan *balat-balat* (pintu *kabatan*) yang telah dipasang lebih awal untuk membolehkan ikan-ikan masuk. Setelah air mulai surut pintu-pintu tadi akan dirapatkan atau ditutup semula. Cara kedua pula, *balat-balat* bersama kayu *turus* hanya akan dipasang ketika air mula surut dan dipercayai ikan-ikan telah berada di kawasan berhampiran tebing sungai. Ikan-ikan yang berada di kawasan tebing sungai akan mula menyusur ke laut mengikut arus air, yang mana ikan-ikan ini akan masuk meniti *amparan*, *ayangan* dan seterusnya terperangkap ke dalam *binuan*. Ikan-ikan ini akan dikutip dengan cara membuka hujung pertemuan *binuan*. Manakala ikan-ikan yang berada di luar *binuan* yang tersadai di tepi *amparan* dan *ayangan* akan dikutip dengan *siut*. Jenis ikan yang didapati dari *kabatan* ialah ikan *menangin* (*polynesus sextarius*), utek (*arius maculates*), pusu (*stolephorus heterolobus*) dan lain-lain (Alimin, 1979: 6; Nayan, 2013: 13-18; Hussin, 1989: 40-42; Pg Khairul Rijal, 2007: 46; Kapitan, 2008: Temu bual; Kassim, 2008: Temu bual).

Berbeza dengan teknologi penangkapan ikan kelong, *lintau* dan *kabatan*, teknologi penangkapan ikan *tabeh* tidak mempunyai sebarang bahagian. *Tabeh* dipasang atau dilabuh secara melurus merentangi anak sungai, lubuk atau tebing sungai. Pemasangan *tabeh* dilakukan ketika air surut atau cetek kira-kira satu hingga satu

setengah meter dalam dengan cara mendirikan *turus* dan mengorak *balat*. Kesemua bahagian *tabeh* akan tenggelam semasa air pasang dan ketika inilah ikan-ikan akan menuju ke kawasan daratan. Kemudian, apabila air mula surut ikan-ikan akan kembali semula ke laut yang menyebabkan ikan-ikan ini terperangkap pada *tabeh* yang dibentangkan. Setelah air cetek melantai, barulah kerja-kerja mengutip ikan-ikan yang terperangkap dijalankan dengan menggunakan *siut* atau tangan. Setelah selesai mengutip hasil tangkapan, *tabeh* akan dibuka dan dipasang di tempat lain. Antara jenis-jenis ikan yang diperoleh daripada *tabeh* ialah *menangin* (*polynesus sextarius*), pari (*selachii*), sembilang (*plotosidae*) dan lain-lain (Alimin, 1979: 6; Pg Khairul Rijal, 2007: 47; Kapitan, 2008: Temu bual).

Dari penjelasan di atas menunjukkan bahawa perubahan yang dilakukan terhadap teknologi penangkapan ikan kelong sehingga mewujudkan teknologi penangkapan ikan *lintau*, *kabatan* dan *tabeh* adalah bertujuan untuk meningkatkan kuantiti bekalan sumber perikanan untuk dikering dan dimasinkan. Ini jelas apabila teknologi penangkapan ikan *lintau* digunakan sebagai salah satu teknologi utama untuk meningkatkan kuantiti pendaratan udang untuk dikeringkan yang ketika itu mendapat permintaan tinggi di pasaran Singapura. Manakala teknologi penangkapan ikan *kabatan* dan *tabeh* pula digunakan untuk meningkatkan hasil pendaratan pelbagai jenis ikan untuk dimasin dan dikeringkan yang menjadi sumber makanan dan protein tenaga buruh ketika itu.

Dalam usaha untuk meningkatkan bekalan sumber perikanan untuk dimasin dan dikeringkan, teknologi penangkapan ikan kail juga telah diubah suai dengan menambah bilangan mata kail yang digunakan. Teknologi penangkapan ikan kail yang menggunakan banyak mata kail dikenali sebagai rawai dan *pilamas*. Dengan perubahan

ini juga telah mengubah kawasan operasinya yang sebelum ini digunakan di kawasan tebing sungai, tepi pantai atau pantaran rumah ke kawasan perairan yang lebih dalam dan jauh dari kawasan daratan. Secara umumnya, teknologi penangkapan ikan rawai yang baru diciptakan tersebut mempunyai tiga bahagian penting iaitu, *talinting* (tali ibu), perambut dan mata kail. *Talinting* diperbuat daripada tali *tangang*<sup>9</sup> yang disambung-sambung sepanjang antara 70 hingga 100 meter. Pada setiap jarak kira-kira satu setengah meter, satu perambut yang panjangnya kira-kira satu meter akan diikat pada *talinting*. Lazimnya, perambut diperbuat daripada benang, tetapi jika hendak menangkap ikan yang lebih besar, ia diperbuat daripada tali *tangang*. Mata kail yang diperbuat daripada jejari roda basikal atau potongan dawai keluli akan dipasangkan pada bahagian hujung perambut. Jumlah mata kail yang digunakan bagi sebuah rawai di antara 35 hingga 51 unit.

Operasi teknologi penangkapan ikan rawai biasanya dilakukan di kawasan perairan berbatu karang yang tidak mempunyai arus yang deras. Kebiasaannya hanya dua orang nelayan yang terlibat dalam satu-satu operasi. Sebelum rawai dilabuhkan, di kedua-kedua bahagian hujung *talinting* akan dipasangkan pelampung dengan tali yang panjang kira-kira lima meter dan pemberat dengan tali kira-kira dua meter. Pelampung yang digunakan diperbuat daripada kayu *pulaie* atau buluh tebal. Manakala batu atau besi akan digunakan sebagai pemberatnya. Setelah itu, barulah salah satu pemberat diturunkan perlahan-lahan ke dalam air, diikuti dengan pelampung dan rawai yang telah siap diikat dengan umpan daripada ikan-ikan kecil. Setelah semua bahagian rawai dan


---

<sup>9</sup>*Tangang* adalah sejenis tumbuhan memanjang yang hanya terdapat di hutan. Proses membuat tali dengan cara memotong terlebih dahulu batang *tangang*, kemudian dipukul berkeliling supaya kulitnya mudah dikopek. Hanya bahagian dalam kulitnya sahaja yang diambil sementara bahagian luar kulit akan dibuang. Seterusnya bahagian kulit dalam tadi akan dikoyak-koyakkan untuk dijemur beberapa hari sekurang-kurangnya sehari suntuk. Setelah ia kering barulah proses membuat tali dimulakan dengan cara memintal koyakan atau carikan kulit *tangang* satu persatu. Kerja untuk menghasilkan seutas tali dari kulit *tangang* memakan masa yang lama dan memerlukan kesabaran yang tinggi.

pelampung diturunkan, barulah diturunkan pemberat yang satu lagi. Rawai dilawati tiap-tiap satu atau dua jam selepas dilabuh untuk melucutkan ikan-ikan yang tersangkut pada mata-mata kail. Antara spesies ikan yang didararkan daripada rawai ialah *menangin* (*polynesus sextarius*), kurau (*eleutheronema tetradactylum*), umpak (*pomadasys spp*), pari (*unidentified sp.*) dan yu (*charcharrinidae*) (Alimin, 1979: 8; Hussin, 1989: 46-47; Mohammad Raduan, 1993: 25; Nayan, 2013: 58-65).

Reka bentuk teknologi penangkapan ikan *pilamas* lebih kurang sama dengan teknologi penangkapan ikan rawai, tetapi *pilamas* dikhususkan untuk menangkap ikan yang besar sahaja. Disebabkan ia digunakan untuk menangkap ikan yang besar, tali perambut yang digunakan untuk *pilamas* adalah tali dari kulit *tangang* yang dililit menjadi seperti kalat. Oleh itu tali *talintingnya* hendaklah dililit lebih besar lagi dari tali perambutnya. Jumlah mata kail yang digunakan lebih rendah daripada rawai, biasanya antara 17 hingga 27 mata sahaja (lihat Gambar 3.1). Jarak antara satu perambut dengan yang lain kira-kira tujuh hingga sembilan meter. Sama seperti rawai di kedua-dua bahagian hujung *talinting pilamas* dipasang pelampung dan batu pemberat. Umpan yang digunakan untuk *pilamas* ialah ikan tamban (*sardinella spp*) atau ikan aur-aur (*sardinella gibbosa*) yang dipotong dua.

Masa penangkapan menggunakan *pilamas* lebih panjang daripada masa yang diperlukan dalam penggunaan rawai. *Pilamas* dilabuh dalam masa beberapa hari sebelum ia boleh dilawati. Umpan yang dipasang akan dimakan oleh ikan, dan ikan yang tersangkut pada mata kail itu pula akan menjadi umpan yang akan dimakan pula oleh ikan yang lebih besar. Kaedah untuk mengetahui sama ada *pilamas* telah dimakan oleh ikan yang lebih besar, ialah jarak antara dua pelampung berpindah menjadi dekat (Alimin, 1979: 9; Nayan, 2013: 44-46). Antara spesies ikan yang didararkan dengan menggunakan



**Gambar 3.1:** Pilamas

Sumber: Nayan, 2013: 44.

*pilamas* ialah kerapu (*serranidae/ epinaephelus spp.*), *bemasa* (*cranx ignobilis*) dan putih (*cavallas jacks*).

Selain itu, teknologi penangkapan ikan kail yang digunakan oleh para nelayan untuk keperluan makanan harian juga telah mengalami perubahan. Kail yang sebelum ini menggunakan joran telah ditukar dengan *kirikan* untuk membolehkannya digunakan di kawasan yang lebih jauh daripada tebing sungai. Kail yang telah diubah suai ini dikenali sebagai *jaul* dan *ambur*. Reka bentuk kedua-dua teknologi ini hampir sama, perbezaannya hanya dari segi penggunaannya. *Jaul* digunakan untuk menangkap ikan di dasar laut yang memerlukan batu atau timah sebagai pemberatnya. Manakala *ambur* pula digunakan untuk menangkap ikan di paras laut dan tidak mempunyai pemberat.

Bahan binaan yang digunakan untuk membuat *kirikan* yang menggantikan joran ialah kayu *pulaie*. Manakala kulit *tangang* atau kulit *timbaran* digunakan untuk membuat talinya, jarang sekali kedua-dua teknologi ini menggunakan benang. Sementara itu, mata kail bagi kedua-dua teknologi ini diperbuat daripada jejari roda basikal atau potongan dawai keluli yang lebih besar dari mata kail sebelum ini kerana ikan yang hendak ditangkap adalah besar. Umpam yang digunakan bagi kedua-dua teknologi ini ialah anak ikan, udang hidup, sotong atau ikan yang dipotong-potong mengikut saiz *pamata* yang digunakan (Nayan, 1989: 50; 1990: 50; Pg Khairul Rijal, 2007: 61). Antara spesies ikan yang didaratkan dengan menggunakan *ambur* ialah ikan-ikan paras laut seperti *bakalang* (*scomberoides spp/commerconianus*), tenggiri (*scomberomorus spp*), *lamading* (*indo pacific spanish mackerel*) dan geronggong (*Megalaspis cordyla*). Manakala *jaul* akan mendaratkan ikan-ikan dasar laut seperti kerapu (*serranidae/epinaephelus spp*), umpak (*pomadasys spp*) dan jarang gigi (*otholithes spp*.).

Selain itu, usaha untuk meningkatkan hasil pendaratan sumber perikanan untuk memenuhi keperluan makanan dan protein para penduduk dan tenaga buruh, jelas tergambar dengan kewujudan beberapa jenis pukat yang tidak pernah digunakan pada zaman sebelum ini. Bahan utama pembinaan pukat ialah benang keluaran kilang yang terdiri daripada beberapa jenis dan saiz. Pada zaman Pentadbiran Tradisi hanya teknologi penangkapan ikan *rambat* dan *tugu* sahaja yang menggunakan benang sebagai asas utama pembinaannya. Manakala pada zaman Pentadbiran Residen British I, pelbagai jenis pukat telah digunakan oleh para nelayan tempatan antaranya pukat *kembura* (*mugilidae*)/ *kuasi* (*anodonstoma chacunda*), pukat *rumahan* (*rastrelliger brachysoma*/ *rastrelliger kanagurta*), pukat *surui* (*hemirhamopus spp*) dan pukat *balanak* (*liga vaigienis*). Keadaan ini disebabkan benang yang menjadi asas utama dalam penyiratan pukat boleh didapati dengan banyak di pasaran tempatan. Lazimnya, lebar satu *binata* (sebidang) pukat lebih kurang satu setengah hingga dua meter dan 12 hingga 18 meter panjang. Pada bahagian atas pukat diikat *patau* yang berfungsi sebagai pelampung yang diperbuat daripada buluh dalam jarak 45 sentimeter di antara satu dengan yang lain. Manakala pada bahagian bawahnya pula, digantung batu timah yang berfungsi sebagai pemberat. Saiz mata pukat pula, mengikut jenis pukat dan jenis ikan yang hendak ditangkap iaitu dari satu hingga enam sentimeter.

Pelbagai jenis pukat yang baru digunakan pada tempoh ini bukanlah teknologi penangkapan ikan yang statik, tetapi merupakan teknologi penangkapan ikan yang mudah alih. Ini jelas apabila prinsip asas operasi menangkap ikan dengan menggunakan pukat ialah mengepung kumpulan ikan. Pukat hanya akan dilabuh apabila ada kumpulan ikan. Kumpulan ikan akan dikepung dengan membentuk satu bulatan. Apabila kumpulan ikan telah terkepung, air akan dipalu dengan kayu atau perahu diketuk-ketuk bagi tujuan menghalau ikan ke jaring pukat. Jika operasi dilakukan pada waktu malam, kerja

menghalau ikan dilakukan dengan cara menyalakan api kerana apabila api dinyalakan dan diangkat tinggi-tinggi, kumpulan ikan akan bertempiaran lalu melanggar pukat. Setelah dipercayai ikan-ikan telah tersangkut pada pukat, barulah operasi mendaratkan ikan dijalankan dengan menarik hujung pukat ke atas perahu. Semasa menarik pukat ini, ikan-ikan yang tertangkap akan terus *dipisi* (ditanggalkan). Ikan-ikan yang diperoleh dari pukat antaranya termasuklah balanak (*liga vaigienis*), kembura (*mugilidae*), geronggong (*megalaspis cordyla*), rumahan bini (*rastrelliger brachysoma*) dan bilis (*leiognathidae*) (Alimin, 1979: 7; Pg Khairul Rijal, 2007: 53-54).

Selain daripada pelbagai jenis pukat di atas, satu lagi alat penangkapan ikan pukat yang lebih besar telah dicipta iaitu *rantau*. Ukuran *rantau* ialah kira-kira 45 meter panjang dan sembilan hingga 11 meter turun ke bawah. Oleh itu, *rantau* dilabuh di kawasan perairan yang kedalamannya lebih kurang 18 meter, pada waktu malam. Mata pukat *rantau* bersaiz antara tujuh hingga 10 sentimeter. Di bahagian atas *rantau* diikat dalam jumlah yang banyak *patau* sebagai pelampung yang diperbuat daripada belahan-belahan buluh kira-kira 12 sentimeter panjang dan enam sentimeter lebar. Sementara itu, di bahagian bawahnya pula dibubuh batu atau timah yang sederhana berat sebagai pemberat.

Berbeza dengan pelbagai jenis pukat di atas, prinsip asas operasi *rantau* ialah dengan menghanyutkannya mengikut arus air. Ini menunjukkan bahawa ketika itu para nelayan telah menciptakan satu teknologi penangkapan ikan bergerak. Semasa operasi menangkap ikan dijalankan, *patau-patau* akan terapung-apung di paras air dan pemberat daripada batu atau timah akan tenggelam menyebabkan *rantau* tegang seperti *tabir* (langsir). Bahagian atas hujung *rantau* akan diberikan *telampung* dari buluh yang lebih besar dan di atasnya diletakkan *lantira* (lampa) sebagai tanda supaya tidak dilanggar.

Manakala di sebelah hujungnya yang satu lagi dipegang atau diikat pada perahu. *Rantau* ini akan hanyut mengikut arus air dan hanya akan dibangkit selepas kira-kira tiga hingga empat jam atau apabila ikan-ikan telah banyak melanggarnya. Antara jenis-jenis ikan yang diperoleh adalah ikan pelagik (paras laut) iaitu ikan tenggiri (*scomberomorus spp*), yu (*charcharrinidae*), geronggong (*megalaspis cordyla*), bakulan (*auxis spp/euthynnus sp.*), duai (*formio niger/pampus argenteus*), dan bakalang (*scomberoides spp/commerconianus*) (Alimin, 1979: 7; Chua, Chou, and Sadorra ed., 1987: 179; *Berita Jabatan Perikanan*, 1985: 8-9; Pg Khairul Rijal, 2007: 56-57).

Di samping itu, sejenis pukat yang dikenali sebagai *peguyot* juga telah diciptakan. *Peguyot* merupakan salah satu teknologi penangkapan ikan yang dikategorikan sebagai pukat tarik yang digunakan di kawasan gigi pantai. Walau bagaimanapun, alat ini kurang digemari oleh para nelayan tempatan kerana memerlukan masa yang panjang untuk membuatnya serta memerlukan tenaga yang ramai dalam pengendaliannya. Reka bentuk *peguyot* lebih kurang sama dengan pukat yang lazimnya berukuran antara 27 hingga 36 meter panjang dan di antara lima hingga enam meter lebar. Pada bahagian atasnya terdapat dua utas tali berkembar dua dikenali sebagai *paner* diperbuat daripada kulit kayu *timbaran*. Pada bahagian atas tali *paner* ini diikatkan pelampung dan pada tali *paner* bawah berfungsi sebagai tempat mata *peguyot* disirat. Pada bahagian bawah *peguyot* pula terdapat lagi satu *paner* yang digunakan untuk meletakkan pemberat dari *tekuyung kalasiu* dan timah. Mata jaring *peguyot* diperbuat daripada *pintalan* benang dari pucuk rumbia yang dijalin atau dianyam menjadi tikar yang bermata pukat berukuran satu sentimeter. Setiap bidang tikar yang dijalin berukuran 180 sentimeter panjang dan 30 sentimeter lebar. Sebanyak antara 500 hingga 600 bidang tikar yang diperlukan dalam menghasilkan sebuah *peguyot*.

Sementara itu, pada kedua-dua bahagian hujung *peguyot* akan diikatkan sebatang kayu yang panjangnya lebih kurang satu setengah meter dikenali sebagai ‘*parian*’. *Parian* berfungsi agar *peguyot* dapat berdiri dengan baik dan tidak terlingkup apabila ditarik. Pada bahagian tengah *parian* diikat seutas tali yang digunakan untuk menarik *peguyot*. Pada bahagian tengah *peguyot* terdapat satu lundu yang berfungsi sebagai tempat mengumpul sumber perikanan yang terperangkap. Disebabkan saiz mata di bahagian lundu lebih rapat daripada bahagian lain, telah membolehkan berbagai-bagai jenis sumber perikanan sama ada yang kecil atau besar boleh ditangkap.


Operasi penangkapan ikan dengan menggunakan *peguyot* ini memerlukan antara enam hingga 12 orang nelayan. Apabila sampai di kawasan operasi seorang nelayan yang mahir mengenai selok-belok laut dan mengetahui akan kehadiran kumpulan ikan akan berdiri di *caruk* (bahagian depan) perahu. Apabila telah menjumpai kumpulan ikan, barulah *peguyot* dilabuh dengan membuat lengkungan seperti bentuk huruf ‘C’ untuk mengelilingi kumpulan ikan tersebut. Kemudian *peguyot* akan ditarik ke kawasan gigi pantai. Setelah proses penarikan telah menghampiri pantai, bahagian *paner* bawah sebelah kanan dan kiri akan ditemukan supaya *peguyot* itu bertemu. Hasil tangkapan hanya akan dipunggah ke dalam perahu jika semua tangkapan telah terperangkap di dalam lundu. Tangkapan utama alat ini ialah *bubuk* (*mysidae sp.*) dan beberapa ikan lain seperti *kembura* (*mugilidae*), *bantang* (*upeneus sulphureus*), dan *kirong-kirong* (*therapon therape*). Pada kebiasaannya operasi penangkapan ikan dengan menggunakan *peguyot* ini akan dilakukan sebanyak tiga hingga lima kali sahaja (Anderson et al, 1952: 8-9; Mohammad Raduan, 1993: 80; Pg Khairul Rijal, 2007: 54-56).

Dengan kemudahan dan banyaknya benang yang boleh dibeli di pasaran tempatan pada zaman Pentadbiran Residen British I, sejenis teknologi penangkapan ikan

yang khusus untuk mendaratkan ketam yang dikenali sebagai *bintur* telah diciptakan. Bahagian utama *bintur* ialah jaring berbentuk segi empat sama berukuran kira-kira 45 x 45 sentimeter dan *panah-panah* iaitu dua bilah buluh sepanjang 60 sentimeter yang diikat secara bersilang seperti huruf X. Jaring *bintur* diperbuat daripada benang yang *dibubul* dengan saiz matanya antara lima hingga tujuh sentimeter. Keempat-empat penjuru jaring *bintur* diikat pada setiap hujung *panah-panah* yang menyebabkan *panah-panah* tersebut melentur. Selain itu, pada setiap penjuru jaring itu juga diikat batu sebagai pemberat. Manakala pada pertemuan *panah-panah* akan dipasang satu cangkuk untuk meletakkan umpan (lihat Gambar 3.2).

Sebelum penangkapan ketam dengan menggunakan *bintur* dilakukan, akan dipasang sebuah pelampung tanda daripada sabut kelapa atau kayu *piabung* yang diikat dengan tali sepanjang lebih kurang empat meter di atas pertemuan *panah-panah*. Lazimnya setiap seorang nelayan akan melabuh sebanyak antara 10 hingga 20 unit *bintur* di kawasan perairan cetek di tebing sungai dengan menggunakan umpan ikan *utek* (*Arius Maculatus*) yang dipotong-potong. Waktu yang paling sesuai melabuh *bintur* ialah ketika air pasang kerana dipercayai pada waktu itulah ketam akan mencari makanan di tebing sungai (Alimin, 1979: 10; Nayan, 1989: 54).

Berdasarkan daripada perbincangan di atas, menunjukkan bahawa beberapa teknologi penangkapan ikan telah mengalami perubahan sama ada dari segi reka bentuk, saiz, bilangan atau lokasi perairan menangkap ikan. Pada masa yang sama, beberapa teknologi penangkapan ikan baru yang belum pernah beroperasi sebelum ini juga telah dicipta sendiri oleh nelayan tempatan dengan menggunakan beberapa bahan binaan keluaran kilang yang diimport. Sebahagian besar perubahan dan penciptaan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan jumlah pendaratan bagi memenuhi permintaan sumber



**Gambar 3.2:** Bintur

Sumber: [http://map.seafdec.org/Monograph/Monograph\\_brunei/bintur.php](http://map.seafdec.org/Monograph/Monograph_brunei/bintur.php).

perikanan yang semakin meningkat daripada para penduduk dan tenaga buruh di sektor ekonomi yang lain. Selain itu, perubahan dan penciptaan ini juga menunjukkan wujudnya kesedaran dalam kalangan para nelayan bahawa teknologi penangkapan ikan yang diwarisi daripada zaman Pentadbiran Tradisi tidak lagi mampu untuk menangkap atau mendaratkan sumber perikanan seperti mana yang dikehendaki oleh pasaran semasa.

### **3.8 Pemasaran Hasil Perikanan Semasa Zaman Pentadbiran Residen British I**

Kejayaan golongan pemodal Cina menguasai perusahaan perikanan telah membolehkan mereka mengambil alih penguasaan para pembesar dan golongan Pengiran dalam pemasaran hasil perikanan pada zaman sebelum ini. Pada zaman Pentadbiran Residen I golongan pemodal Cina telah berjaya menguasai dan memonopoli hampir keseluruhan aktiviti pemasaran tempatan dan eksport hasil pengeluaran perikanan. Penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti pemasaran masih sama seperti sebelumnya iaitu hanya untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan melalui aktiviti *padian* dan *pengalu*.

Melalui aktiviti *padian* mereka memasarkan hasil perikanan dalam bentuk segar kepada penduduk di kawasan Kampong Ayer. Manakala melalui aktiviti *pengalu* mereka memenuhi permintaan penduduk di kawasan pedalaman dengan hasil perikanan yang telah diproses seperti ikan kering, ikan masin, ikan salai dan ikan *liking* (jeruk). Namun demikian, pada tempoh ini penguasaan penduduk tempatan dalam aktiviti *pengalu* telah mendapat saingen daripada beberapa orang pemodal Cina yang telah mula menceburi aktiviti *pengalu*. Kematangan dan pengalaman pemodal-pemodal Cina dalam aktiviti perniagaan telah menyebabkan penduduk tempatan tidak mampu menandingi mereka (Rusli, 1981: 25).

Pada masa yang sama, golongan pemodal Cina juga menguasai sepenuhnya pemasaran ikan masin, ikan kering dan udang kering yang menjadi sumber makanan dan protein utama tenaga buruh di sektor-sektor ekonomi daratan. Dengan menggunakan beberapa buah perahu pedayung, golongan pemodal Cina memasarkan ikan masin, ikan kering dan udang kering ke kawasan perlombongan arang batu, minyak, perladangan getah dan pembalakan. Penduduk tempatan tidak terlibat langsung dalam urusan pemasaran ini, mereka hanya membekalkan sumber perikanan ke kilang-kilang proses pengeringan (*drying depots*) kepunyaan golongan pemodal Cina untuk dimasin atau dikeringkan dan seterusnya dipasarkan (Kassim, 2008: Temu bual).

Dengan adanya bekalan sumber perikanan daripada penduduk tempatan, hasil pengeluaran kilang-kilang proses pengeringan (*drying depots*) ini bukan hanya dapat memenuhi permintaan sumber perikanan ketika itu, tetapi juga dapat dieksport ke luar negara terutama ke Singapura (*Brunei Annual Report*, 1929: 8). Ini menunjukkan bahawa golongan pemodal Cina bukan hanya menguasai pemasaran tempatan tetapi juga berjaya melebarkan penguasaan hingga ke peringkat pasaran eksport. Udang kering merupakan komoditi eksport yang paling utama pada ketika itu. Komoditi udang kering mula dieksport pada tahun 1918 dengan nilai sebanyak \$647. Namun demikian, nilai eksport komoditi ini hanya mengalami peningkatan yang memberangsangkan pada dua tahun berikutnya, iaitu sebanyak \$58,249 pada tahun 1919 dan \$61,566 pada tahun 1920. Manakala pada tahun-tahun berikutnya, kuantiti dan nilai eksport komoditi udang kering telah mengalami pertumbuhan yang tidak konsisten apabila kuantiti dan nilai eksport komoditi ini sering mengalami keadaan turun naik. Bermula tahun 1934 hingga ke penghujung tempoh ini pengeksportan komoditi udang kering semakin merosot, apabila kuantiti udang kering yang dieksport tidak pernah mencapai 600 pikul dan nilai eksport tidak melebihi \$20,000 (lihat Jadual 3.9).

Salah satu hasil perikanan yang berjaya dieksport ialah komoditi ikan kering. Komoditi ikan kering mula dieksport pada tahun 1926 sebanyak 67 pikul yang bernilai \$1,584. Bagaimanapun, pengeksportan komoditi ini sering mengalami pertumbuhan turun naik dari setahun ke setahun. Pengeksportan tertinggi pada tempoh ini hanyalah sebanyak \$4,403 yang dicatatkan pada tahun 1929. Keadaan yang kurang memberangsangkan ini disebabkan peningkatan permintaan pasaran tempatan terutama daripada tenaga buruh asing yang terlibat di sektor ekonomi daratan. Oleh itu, ikan kering yang dihasilkan hanya tertumpu untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan sahaja. Ini jelas apabila pada tiga tahun terakhir tempoh ini tiada catatan tentang pengeksportan komoditi ikan kering (lihat Jadual 3.9).

Selain udang dan ikan kering, golongan pemodal Cina juga mengusahakan ampuras udang (*prawn refuse*) untuk dijadikan salah satu komoditi eksport. Pada tahun 1929 sebanyak 199 beg ampuras udang (*prawn refuse*) yang bernilai \$1,114 telah dapat dieksport. Namun demikian, pada tahun-tahun berikutnya kuantiti dan nilai eksport komoditi ini telah mengalami kemerosotan terus-menerus. Keadaan ini telah menyebabkan komoditi ini tidak dapat dieksport lagi pada tahun 1936 hingga ke penghujung tempoh ini (lihat Jadual 3.9).

Kemerosotan kuantiti dan nilai eksport hasil perikanan disebabkan pengeluaran hasil perikanan lebih tertumpu kepada memenuhi permintaan pasaran tempatan yang semakin meningkat. Peningkatan permintaan pasaran tempatan disebabkan pertambahan drastik bilangan penduduk terutama bilangan buruh asing yang terlibat dalam aktiviti ekonomi daratan seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Keadaan ini bertambah teruk lagi apabila ramai penduduk yang sebelum ini terlibat dalam aktiviti perikanan telah beralih kepada aktiviti ekonomi daratan yang sangat diberi

**Jadual 3.9:** Nilai Eksport Komoditi Utama Sektor Perikanan 1918-1941(*Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran)

Tahun	Udang Kering		Ikan Kering		Ampuras Udang ( <i>Prawn Refuse</i> )	
	Kuantiti (Pikul)	Nilai (\$)	Kuantiti (Pikul)	Nilai (\$)	Kuantiti (Beg)	Nilai (\$)
1918	t.d.	647	-	-	-	-
1919	t.d.	58,249	-	-	-	-
1920	t.d.	61,566	-	-	-	-
1921	1,069	47,464	-	-	-	-
1922	1,027	44,974	-	-	-	-
1923	735	35,390	-	-	-	-
1924	882	43,161	-	-	-	-
1925	768	38,557	-	-	-	-
1926	1,020	52,763	67	1,584	-	-
1927	980	54,179	34	492	-	-
1928	891	48,153	39	465	-	-
1929	2,077	54,376	101	4,403	199	1,144
1930	1,087	53,553	105	1,198	127	793
1931	951	46,657	113	1,080	225	837
1932	1,070	46,114	112	927	243	719
1933	940	31,306	94	1,190	29	35
1934	359	12,482	14	128	-	-
1935	475	15,652	170	1,571	10	42
1936	579	19,240	61	497	-	-
1937	261	9,037	54	688	-	-
1938	335	10,921	12	177	-	-
1939	521	15,491	-	-	-	-
1940	305	11,069	-	-	-	-
1941	343	14,683	-	-	-	-


Nota: t.d. - tiada data.

\$ - Dolar Negeri-negeri Selat.

perhatian oleh pihak pentadbiran. Pada masa yang sama, perairan Brunei sering didatangi oleh obor-obor (*jelly fish*) dalam jumlah yang banyak pada waktu itu. “*The fishing areas suffered severely from the depredations of a species of jelly fish ...*”(Brunei Annual Report, 1934: 13). Perkara ini secara tidak langsung telah menjelaskan usaha kilang-kilang proses pengeringan (*drying depots*) untuk meningkatkan pengeluaran hasil perikanan bagi memenuhi peningkatan permintaan pasaran tempatan dan eksport.

Lanjutan daripada keadaan di atas, telah menyebabkan pengeluaran hasil perikanan daripada kilang-kilang proses pengeringan (*drying depots*) tidak mampu memenuhi permintaan sumber perikanan dalam bentuk yang diproses yang semakin meningkat daripada tenaga buruh di sektor ekonomi daratan. Bagi menampung kekurangan bekalan sumber perikanan ini, Brunei telah mengimport sumber perikanan yang diproses berdasarkan produk ikan kering dari negeri-negeri jiran seperti Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Labuan. Mulai tahun 1932, Brunei telah mula mengimport sumber perikanan yang diproses berdasarkan produk ikan kering sebanyak 365 pikul yang bernilai lebih kurang \$5,054. Kuantiti dan nilai import produk ikan kering ini telah meningkat dengan drastik kepada 1,075 pikul yang bernilai \$17,843 pada tahun 1941. (lihat Rajah 3.10). Antara spesies produk ikan kering yang diimport ialah ikan-ikan yang berkualiti tinggi seperti belanak (*Mugil spp.*), duai (*Stromatesu cigereus*), merah (*Lutianus sanguinans*), kurau (*Polyemus indicus*), sulungsung (*Psammopercas lates*), putih (*Caranx ingbilis*) dan senangin (*Eleuhernema tet.*) (Ismail Ali, 2007: 38-39).

Ini menunjukkan pertambahan bilangan penduduk terutama kedatangan ramai buruh asing yang terlibat dalam sektor-sektor ekonomi daratan telah menyebabkan Brunei bergantung kepada sumber perikanan dari luar negara pada zaman Pentadbiran Residen British I.



**Rajah 3.10:** Kuantiti dan Nilai Import Produk Ikan Kering 1932-1941

Sumber: *Brunei Annual Report*, Pelbagai keluaran.

### **3.9           Kesimpulan**

Kejatuhan ekonomi yang teruk serta ancaman kuasa-kuasa Barat terhadap tanah-tanah jajahan telah menyebabkan Brunei terpaksa menerima kedatangan seorang Residen British sebagai ketua pentadbiran. Ini bermakna perubahan corak pentadbiran mengambil tempat pada awal abad ke-20, daripada pentadbiran tradisi yang diketuai oleh Sultan kepada pentadbiran koloni yang diketuai oleh Residen British yang sekali gus menyebabkan Brunei kehilangan kedaulatan sebagai sebuah negara merdeka.

Perubahan corak pentadbiran secara langsung telah mempengaruhi perkembangan dan pembangunan perusahaan perikanan di Brunei. Di bawah Pentadbiran Residen British I, perusahaan perikanan hanya dijadikan sebagai satu kegiatan ekonomi sampingan sahaja. Perusahaan perikanan tidak diberi perhatian dan hanya dibiarkan berkembang sendiri tanpa diberikan galakan dan bantuan. Ini jelas apabila dasar Pentadbiran Residen British I terhadap perusahaan perikanan hanya terbatas dalam soal-soal pentadbiran khususnya dari segi kutipan hasil bayaran lesen sahaja. Manakala urusan teknologi penangkapan ikan, tenaga buruh, pendaratan, pengeluaran dan pemasaran dikendalikan oleh golongan pemodal Cina.

Apa yang jelas, hampir keseluruhan perkembangan dan perubahan perusahaan perikanan pada zaman Pentadbiran Residen I ditentukan oleh peranan yang dimainkan oleh golongan pemodal Cina. Ruang yang diberikan kepada golongan pemodal Cina untuk melibatkan diri dalam aktiviti perikanan pada zaman Pentadbiran Tradisi telah menjadi asas atau tapak penting kepada golongan pemodal Cina mencipta keuntungan melalui penguasaan secara meluas terhadap perusahaan perikanan pada zaman Pentadbiran Residen British I. Golongan pemodal Cina dengan mudah tanpa sebarang saingan atau campur tangan daripada mana-mana pihak termasuk pihak

pentadbiran telah dapat menguasai perusahaan perikanan pada semua peringkat dari peringkat pemasaran hingga ke peringkat pengeluaran.

Pada peringkat pemasaran, golongan pemodal Cina menguasai urusan penghantaran dan hubungan perdagangan di pasaran tempatan dan pasaran eksport terutama ke Singapura. Pada peringkat pemprosesan, golongan pemodal Cina menguasai kegiatan pengeringan dan pemasinan sumber perikanan dengan membuka beberapa buah kilang proses pengeringan (*drying depot*) untuk menghasilkan ikan masin, ikan kering dan udang kering yang pada masa itu mempunyai permintaan tinggi daripada tenaga buruh dan pasaran eksport. Pelbagai jenis sumber perikanan daripada yang bermutu tinggi hingga rendah telah diproses sama ada dikering atau dimasinkan. Dalam mengukuh dan mengembangkan hasil pengeluaran kilang-kilang proses pengeringan (*drying depots*), golongan pemodal Cina menguasai bekalan garam yang menjadi bahan utama dalam penghasilan ikan masin, ikan kering dan udang kering.

Manakala di peringkat pengeluaran, untuk mendapatkan bekalan sumber perikanan secara berterusan dan mendapatkan lebihan pengeluaran, golongan pemodal Cina menguasai golongan nelayan melalui “sistem tauke” yang diperkenalkan untuk membolehkan golongan nelayan mendapatkan bahan-bahan binaan teknologi penangkapan ikan. Ini menyebabkan beberapa teknologi penangkapan ikan yang diwarisi dari zaman Pentadbiran Tradisi telah mengalami perubahan sama ada dari segi reka bentuk, saiz, bilangan dan kawasan operasi. Pada masa yang sama beberapa teknologi penangkapan ikan baru yang tidak pernah beroperasi pada zaman sebelum ini seperti pelbagai jenis pukat, *kabatan*, rawai dan sebagainya juga telah digunakan.

Selain itu, peningkatan permintaan sumber perikanan daripada perkembangan pesat ekonomi daratan dan pertambahan bilangan penduduk khususnya tenaga buruh di sektor ekonomi daratan juga memainkan peranan dalam mempengaruhi perkembangan dan perubahan perusahaan perikanan pada ketika itu. Hal ini adalah berikutan dasar Pentadbiran Residen British I yang hanya memberi tumpuan kepada perkembangan ekonomi daratan seperti pertanian, perladangan, pembalakan, perhutanan dan perlombongan yang memerlukan ramai tenaga buruh. Bagi memenuhi keperluan tenaga buruh, pihak pentadbiran telah menggalakkan penduduk Brunei yang menetap di Kampong Ayer berpindah ke kawasan daratan untuk melibatkan diri dalam sektor ekonomi di daratan. Keadaan ini telah mengubah pekerjaan penduduk Brunei daripada nelayan menjadi buruh dalam sektor ekonomi baru di daratan yang sekali gus mengurangkan bilangan penduduk tempatan yang terlibat dalam perusahaan perikanan. Selain itu, pihak pentadbiran juga membenarkan para pemodal untuk membawa masuk buruh masing-masing. Ini telah membuka ruang kepada kemasukan beramai-ramai tenaga buruh asing terutama buruh asing berbangsa Cina dan India ke Brunei. Kemasukan ramai buruh telah menambahkan bilangan penduduk Brunei dan sekali gus meningkatkan jumlah permintaan sumber makanan termasuk juga sumber perikanan. Dengan ini menunjukkan bahawa peningkatan permintaan sumber perikanan pada tempoh ini dipengaruhi oleh pertambahan bilangan penduduk terutama daripada tenaga buruh yang terlibat dalam kegiatan ekonomi daratan.

Peningkatan permintaan sumber perikanan daripada tenaga buruh di kawasan daratan juga telah merubah bentuk sumber perikanan yang dihasilkan. Ini jelas apabila permintaan sumber perikanan pada tempoh ini tidak lagi tertumpu kepada tripang, mutiara, kulit penyu dan sirip ikan jerung tetapi bertukar kepada ikan masin, ikan kering dan udang kering yang menjadi sumber protein termurah bagi tenaga buruh. Selain itu,

perubahan bentuk hasil perikanan juga dipengaruhi oleh permintaan tinggi daripada tenaga buruh di luar negara. Oleh itu, penumpuan kepada penghasilan ketiga komoditi sumber perikanan ini, selain memenuhi permintaan buruh tempatan adalah juga untuk memenuhi permintaan pasaran antarabangsa.

Apa yang jelas di sini, di bawah penguasaan dan pengendalian golongan pemodal Cina, perusahaan perikanan telah dapat dikembangkan dan dapat meningkatkan hasil perikanan untuk memenuhi permintaan tempatan yang semakin meningkat. Malahan perusahaan perikanan juga dapat menghasilkan lebihan sehingga beberapa komoditi eksport berdasarkan perikanan seperti ikan kering, udang kering dan ampuras udang (*prawn refuse*) dapat dieksport ke pasaran antarabangsa. Bagaimanapun keadaan ini tidak bertahan lama, apabila bilangan penduduk termasuk tenaga buruh asing semakin bertambah, telah menyebabkan hasil perikanan lebih tertumpu kepada memenuhi permintaan pasaran tempatan. Perkara ini sekali gus telah mengurangkan kuantiti dan nilai eksport Brunei ke pasaran antarabangsa.

Keadaan ini bertambah teruk lagi pada tahun-tahun 1930an hingga ke penghujung tempoh ini apabila bilangan tenaga buruh asing semakin bertambah dan pada masa yang sama penglibatan penduduk tempatan dalam aktiviti perikanan semakin berkurangan. Dalam hal ini, hasil perikanan tidak dapat memenuhi peningkatan permintaan sumber perikanan yang menyebabkan Brunei bergantung kepada import bekalan sumber perikanan berdasarkan produk ikan kering dari negeri-negeri jiran Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Labuan. Ini menunjukkan bahawa penggantungan Brunei terhadap bekalan sumber perikanan dari luar negara telah bermula dari semenjak zaman Pentadbiran Residen British I lagi.